

DALAM MAHKAMAH RAYUAN MALAYSIA DI PUTRAJAYA

RAYUAN JENAYAH NO.: J-05(M)-39-02/2023

ANTARA

THAN NWE SOE

- PERAYU

DAN

PENDAKWA RAYA

- RESPONDEN

[Dalam Perkara Mahkamah Tinggi Malaya di Johor Bahru

Dalam Negeri Johor Darul Ta'zim

Perbicaraan Jenayah No: JA-45B-10-04/2019

Antara

Pendakwa Raya

Lawan

Than Nwe Soe]

KORAM:

MOHD NAZLAN BIN MOHD GHAZALI, HMR

AZMI BIN ARIFFIN, HMR

CHOO KAH SING, HMR



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

PENGHAKIMAN

Mukadimah

[1] Pendakwaan terhadap perayu bermula di Mahkamah Tinggi Johor Bahru bagi pertuduhan seperti yang berikut:

“Bahawa kamu bersama-sama dengan seorang yang masih bebas pada 13.4.2018 jam lebih kurang 2.00 petang bertempat di alamat Kawasan Yu-Win Motor Trading Sdn Bhd, Lot 35697, Jalan Sri Purnama 6, Kg. Sri Purnama di dalam daerah Johor Bahru di dalam Negeri Johor Darul Takzim telah membunuh Goh Geok Leng (No.KP: 750828-01-5812) dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan yang boleh dihukum di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama.”

[2] Perayu tidak mengaku salah terhadap pertuduhan tersebut dan memohon untuk dibicarakan. Seramai lapan belas (18) saksi pendakwaan telah dipanggil untuk memberikan keterangan.

[3] Pada akhir kes pendakwaan, 24 Julai 2022, Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya mengemukakan suatu kes *prima facie* terhadap perayu dan memanggil perayu untuk membela diri terhadap pertuduhan tersebut.

[4] Perayu (SD1) memilih untuk memberikan keterangannya secara bersumpah di kandang saksi. Selain daripada perayu, tiada saksi lain yang dipanggil oleh pihak pembelaan.



[5] Pada akhir kes pembelaan, 30 Januari 2023, Pesuruhjaya Kehakiman yang bijaksana mendapati perayu bersalah dan disabitkan terhadap pertuduhan tersebut. Perayu dijatuhi hukuman gantung sampai mati.

[6] Terkilan dengan keputusan tersebut, pada 8 Februari 2023, perayu memfailkan satu notis rayuan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

[7] Bagi memudahkan rujukan, selepas ini kami akan merujuk perayu sebagai tertuduh seperintama panggilannya di Mahkamah Tinggi.

Fakta Kes Pendakwaan

[8] Pada 13 April 2018, lebih kurang pukul 2.15 petang ketika SP2 (Haazilla Qumaira binti Miskan) iaitu pekerja di Syarikat Yu Win Motor Trading Sdn Bhd pulang dari makan tengah hari, SP2 mendapati majikannya (Goh Geok Leng / si mati) tiada di meja di dalam pejabatnya, namun SP2 mendapati beg tangan majikannya berada di situ.

[9] SP2 pada masa itu tidak mengesyaki apa-apa sehingga jam 5.00 petang apabila SP2 mendapati majikannya masih belum lagi kelihatan. Pada kebiasaananya si mati akan mengambil anaknya di sekolah sekitar pukul 4.30 petang.

[10] SP2 telah cuba menelefon si mati beberapa kali namun tidak berjaya. Lantas SP2 telah melihat rakaman CCTV untuk melihat apa yang terjadi. Setelah meneliti CCTV, SP2 mendapati si mati keluar daripada



pejabat sekitar jam 1.50 petang dan menuju ke arah belakang pejabat dan terus tidak kelihatan balik lagi.

[11] SP2 ada bertanyakan kepada pekerja mekanik yang ada di kilang tersebut yang bernama “Atan” (tertuduh), namun SP2 telah dimaklumkan oleh tertuduh bahawa beliau tidak nampak si mati. Bimbang dengan kehilangan si mati, SP2 telah menelefon Balai Polis Majidee dan membuat laporan polis mengenai kehilangan si mati.

[12] SP2 telah memaklumkan kepada SP1 (Koperal RF165110 Noraniza Binti Muhammad) bahawa majikan perempuannya yang bernama Goh Geok Leng iaitu si mati telah tiada di syarikatnya di Yu-Win Motor Sdn Bhd sejak jam lebih kurang 2.00 petang 13 April 2018 sehingga laporan dibuat lebih kurang pada pukul 6.25 petang.

[13] Mengikut SP2 lagi, beg tangan si mati ada ditinggalkan di pejabat dan pemeriksaan CCTV di pejabat mendapati kali terakhir si mati keluar daripada pejabat dan menghala ke kawasan belakang syarikat lebih kurang jam 2.00 petang dan kemudiannya tidak muncul lagi selepas itu.

[14] SP11 (Insp Thian Bun Pin) yang bertindak sebagai pegawai penyiasat awal kes ini telah membuat siasatan di tempat kejadian iaitu di Yu-Win Motor Sdn Bhd. Di tempat kejadian, SP11 telah membuat penelitian rakaman CCTV dan mendapati tertuduh berada di pintu pejabat dan kelihatan bercakap-cakap dengan si mati. Pada sekitar pukul 2.00 petang, si mati kelihatan keluar daripada pejabat dan menghala ke bahagian belakang kawasan syarikat tersebut dan selepas itu tiada kelihatan muncul lagi (lihat gambar rakaman CCTV (ekshhibit P6 (1-16)).



[15] SP11 telah menemubual beberapa orang pekerja di dalam premis tersebut termasuk dua (2) orang pekerja warganegara Myanmar dengan nama panggilan "Atan" dan "Aung".

[16] Hasil soal-siasat yang dijalankan, pada sekitar pukul 9.30 malam, SP9 (Aung Thiam Lim) telah memaklumkan kepada SP11 bahawa beliau tahu bahawa si mati ada disimpan di dalam kontena. SP9 memberitahu SP11 bahawa tertuduh sendiri yang memberitahunya.

[17] SP11 bersama ASP Afdhal dan juga SP10 (Teo Zhi Wei) telah naik ke atas kontena tempat tinggal tertuduh, namun tidak menjumpai si mati.

[18] Kemudiannya SP11 telah mengalihkan sebuah sofa yang di alas dengan karpet dan apabila karpet itu dialihkan ke tepi, SP11 mendapati ada lubang kecil untuk turun ke bahagian bawah kontena. SP11 telah membuka penutup lubang itu dan dengan menggunakan cahaya daripada lampu telefonnya, SP11 mendapati si mati berada di bahagian bawah kontena itu.

[19] SP11 cuba memanggil si mati tetapi tidak mendapat apa-apa jawapan. Lantas SP11 telah turun ke dalam kontena itu dan cuba sekali lagi memanggil si mati, namun masih tiada juga menerima sebarang jawapan.

[20] Mengesyaki si mati telah meninggal dunia, SP11 telah menghubungi bilik gerakan untuk memaklumkan kejadian yang berlaku.

[21] Lebih kurang pukul 9.50 malam (13 April 2018) si mati telah dijumpai dalam keadaan separuh bogel, mata ditutup dengan kain, mulut diikat



dengan kain, pergelangan tangan kiri dan kanan serta pergelangan kaki kanan dan kiri digari dengan rantai yang dikunci dengan mangga.

[22] Pasukan polis D9 yang diketuai oleh SP12 (Insp Sri Amutheyindharan Chettiar a/l Sriharan) telah pergi ke tempat kejadian dan tangkapan telah dibuat terhadap dua (2) lelaki Myanmar iaitu tertuduh dan juga SP9. Kedua-dua tangkapan ini telah dibawa balik ke Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan dan diserahkan kepada pegawai penyiasat sebenar kes iaitu SP18 (ASP Mohd Fadzly bin Ishak).

[23] Hasil siasatan yang dijalankan, SP18 telah menjumpai kunci mangga yang digunakan untuk mengunci rantai yang mengikat si mati pada kerusi.

[24] Pada 14 April 2018 pukul 12.15 tengahari, bedah siasat terhadap si mati telah dijalankan oleh Pakar Perubatan Forensik Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru, Johor iaitu Dr Aznool Haidy bin Hj Ashorori (SP13).

[25] Laporan *post-mortem* (ekhibit P23) yang disediakan sendiri oleh SP13 mengesahkan bahawa terdapat kesan-kesan lebam pada bahagian muka, kepala dan leher si mati.

[26] Mengikut SP13, kecederaan pada bahagian leher adalah konsisten dengan impak tekanan yang cukup kuat pada leher di mana ia boleh menghalang saluran pernafasan atas seterusnya mengganggu respirasi dan menjurus kepada *fatality*. Punca kematian si mati adalah ***Smothering and Upper Neck Compression*** (Tekanan Leher Atas).



Ringkasan Keterangan Tertuduh (SD1)

- Pada pukul 8.30 pagi seperti biasa tertuduh pergi untuk *thumb print*. Sebaik sahaja tiba di tempat kerja tertuduh telah memulakan tugasnya untuk mengumpul semua kunci-kunci kereta yang ada di situ bagi memulakan tugasnya sebagai mekanik di bengkel tersebut.
- Di bengkel tersebut tertuduh mendapati ada sebuah lori yang perlu dibaiki kerana ada terdapat kerosakan pada kabelnya. Tertuduh mengeluarkan kabel daripada lori tersebut dan menunggu kedatangan si mati bagi mendapatkan arahan selanjutnya.
- Pada pukul 10.30 pagi, tertuduh telah pergi ke pejabat dan memaklumkan serta menunjukkan kepada si mati kabel yang dibukanya daripada lori tersebut. Si mati kemudian mengarahkan tertuduh untuk pergi ke kedai *spare parts* di Taman Mount Austin.
- Pada masa tertuduh berjumpa si mati di pejabat, Azila yang bukakan pintu dan si mati sedang duduk berdekatan meja.
- Pada pukul 12.00 tengahari tertuduh pergi ke Taman Mount Austin.
- Pada pukul 1.00 tengahari, selepas mengambil barang dari kedai *spare part* tersebut, tertuduh pun terus balik ke pejabat untuk menunjukkan kepada si mati barang dan resit yang diperolehi daripada kedai *spare part* tersebut.
- Setiba di pejabat, tertuduh mendapati si mati tiada di situ. Lantas, tertuduh pun membawa balik barang tersebut ke bengkel dan



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

meletakkannya di atas meja di bengkel tersebut. Tertuduh pun keluar untuk makan tengahari.

- Selepas makan, tertuduh terus balik dan sambung kerjanya. Pada pukul 2.00 petang tertuduh telah diarahkan oleh jurujual untuk menyiapkan kerjanya dengan secepat mungkin kerana tertuduh harus menghantar lori tersebut ke Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) pada pukul 3.00 petang.
- Pada pukul 4.00 ke 4.30 petang, Haazilla (SP2) datang berjumpa dengan tertuduh dan memberitahu tertuduh bahawa si mati telah meninggalkan beg duit dan barang peribadinya di pejabat.
- Memandangkan si mati tiada di pejabat, SP2 telah mengarahkan tertuduh untuk menjemput anak si mati sama ada di sekolah atau tuisyen (tertuduh tidak pasti) di Impian Mas.
- Di dalam perjalanan tertuduh untuk mengambil anak si mati, SP2 telah menelefon tertuduh memberitahu tertuduh bahawa ada orang lain yang telah menjemput anak si mati. Tertuduh pun balik semula ke pejabatnya di Kempas dan sambung kerjanya seperti biasa.
- Lebih kurang pukul 4.30 petang, SP2 memberitahu tertuduh dan meminta semua orang yang ada di kawasan itu iaitu tertuduh, Kak Azila, Kak Azura, jurujual bangsa Cina, Faizal, Farid atau Gemuk dan seorang warganegara Bangladesh untuk sama-sama membantu mencari si mati di sekitar kawasan syarikat tersebut. Di samping itu, SP2 juga dilihat sedang membuat panggilan telefon. Bagi penama SP9 (Aung Thiam Lim),



tertuduh tidak perasaan sama ada SP9 ada atau tidak. Setahu tertuduh, SP9 berada di bengkel.

- Di dalam pencarian tersebut, Azila yang bersama-sama dengan Azura terjumpa selipar si mati di bahagian bengkel belakang tersebut.
- Azila kelihatan terkejut selepas menjumpai selipar si mati, lalu dia memanggil Azura untuk melihatnya dan mengajak Azura untuk ke pejabat untuk melihat CCTV yang ada di sana. Mereka menyangka si mati mungkin telah diculik.
- Selepas melihat CCTV, Azila bersama-sama tertuduh telah pergi ke Balai Polis Majidee untuk membuat laporan. Namun begitu, oleh kerana terdapat kesesakan lalu lintas, tertuduh dan Azila berpatah balik dan kembali semula ke pejabat.
- Sampai di pejabat sekitar pukul 6.30-7.00 petang, Azila telah menelefon Balai Polis Majidee dan membuat laporan polis.
- Setiba pasukan polis di syarikat di antara pukul 7.30 hingga 8.00 malam, kami telah diarahkan untuk menunjukkan di mana lokasi selipar dijumpai bagi pencarian seterusnya dijalankan.
- Selepas itu, pihak polis telah menyoal siasat semua pekerja-pekerja (termasuk tertuduh) yang ada di syarikat tersebut.
- Tertuduh di dalam soal-siasat tersebut memberitahu pihak polis bahawa kali terakhir tertuduh berjumpa dengan si mati adalah semasa tertuduh menunjukkan *spare part* tersebut kepada si mati di pejabatnya



pada pukul 10.30 pagi sebelum tertuduh berlepas ke Taman Mount Austin.

- Selepas siasatan terhadap tertuduh dibuat, pihak polis pun terus menjalankan tugas mereka.
- Pihak polis juga ada menyiasat SP9.
- Selepas itu, pegawai polis ada membawa jurujual Teow ke belakang. Ketika itu kami semua berada di hadapan pejabat. Si mati dijumpai di dalam lubang seperti di dalam gambar 13 ekhibit P7.
- Tujuan lubang ini dibuat adalah kerana tertuduh bersama-sama empat (4) pekerja yang lain tiada mempunyai permit bekerja. Oleh itu si mati menyuruh kami bersembunyi di tempat itu sekiranya terdapat operasi yang dibuat oleh pihak polis atau imigresen.
- Selain daripada tertuduh, SP9, Teow, seorang pekerja Bangladesh dan semua orang yang bekerja di sana tahu tentang kewujudan lubang tersebut kecuali pekerja baru sahaja yang tidak mengetahuinya.
- Seseorang boleh pergi ke tempat lubang tersebut melalui tangga yang boleh dilihat pada gambar 8 11, 13 dan 14 ekhibit P7.
- Gambar 8 ekhibit P7 adalah di luar kontena. Ada tangga di situ dan melalui tangga itu boleh naik atas. Atas sekali tidak ada pintu tetapi ada tempat duduk. Ada meja dekat di situ dan daripada situ kami boleh masuk ke tempat gambar 13 dan 14.



- Sesiapa yang bekerja di syarikat itu boleh mengakses masuk ke tempat tersebut.
- Selepas polis membawa Teow dekat belakang, salah seorang anggota polis telah datang kembali ke tempat kami dan memberitahu kami bahawa mayat si mati telah dijumpai di dalam lubang itu.
- Setelah itu, tertuduh dan SP9 telah digari secara berasingan. Tertuduh ada bertanya kepada pihak polis kenapa beliau telah digari lalu pegawai polis itu menyuruh tertuduh duduk diam sahaja dan tidak berbuat bising. Tertuduh pun terus duduk diam sahaja. Tertuduh kemudiannya dibawa ke balai polis.
- Hubungan tertuduh dengan SP9 tidak begitu baik.
- Tertuduh yang telah diberikan tanggungjawab oleh si mati untuk menguruskan di tempat kerja itu pernah menegur dan menasihati SP9 atas kesilapan kerja yang dilakukannya supaya kerja yang dibuat menjadi lebih baik.
- Namun begitu, SP9 pernah mempersoalkan tindakan tertuduh itu dengan mengatakan bahawa tertuduh bukan majikannya dan kenapa pula tertuduh hendak memberi arahan kepada SP9. Tertuduh memberitahu SP9 bahawa walaupun tertuduh bukan majikan SP9, tetapi tertuduh telah diarahkan dan diberikan tanggungjawab oleh si mati untuk memastikan semua kerja berjalan dengan lancar.
- Mungkin SP9 tidak berpuashati dengan tertuduh kerana hubungan tertuduh dengan si mati adalah sangat baik. Oleh kerana tertuduh bekerja



dengan baik dan bersungguh-sungguh, tertuduh telah diberikan elaun sebanyak RM300 sebulan dengan gaji bulanan sebanyak RM3,000.00 manakala gaji SP9 pula adalah sebanyak RM1,400.00 sebulan tanpa elaun kerana SP9 selalu tidak hadir kerja.

- Tertuduh tidak menyembunyikan si mati di dalam kontena kerana tertuduh bersama Azila dan pekerja-pekerja lain juga turut mencari si mati.
- SP9 tidak bercakap benar di dalam keterangannya bila mengatakan bahawa tertuduh ada memberitahu SP9 bahawa tertuduh telah menyembunyikan si mati di dalam kontena dan SP9 tidak memberitahu sesiapa tentang perkara ini kerana takut tertuduh akan mencederakannya.
- Mengikut tertuduh apa yang sebenar berlaku adalah semasa kejadian itu tertuduh sedang bekerja di bengkel sehingga pukul 3.30 petang. Azila telah mengarahkan tertuduh untuk menjemput anak si mati dan tertuduh juga telah keluar bersama Azila untuk membuat laporan di atas kehilangan si mati. Semasa itu juga SP9 mempunyai banyak masa untuk memberitahu kepada semua orang yang berada di kilang yang tertuduh telah menyembunyikan si mati. Namun, semasa itu SP9 tidak pernah memberitahu kepada sesiapa pun.
- SP9 tidak bercakap benar di dalam keterangannya bila mengatakan bahawa tertuduh ada menyimpan pisau dan pisau tersebut telah dirampas oleh polis.
- Tertuduh menafikan mempunyai atau memegang pisau pada masa itu.



- Hubungan tertuduh dengan si mati adalah sangat baik. Si mati mempercayai tertuduh dan tertuduh menganggap si mati sebagai majikan yang sangat baik. Tertuduh sentiasa menolong si mati bukan sahaja di pejabat tetapi juga membantu di rumah si mati seperti menjaga kebun, menyiram pokok dan menjemput anak si mati di sekolah. Perhubungan si mati dengan tertuduh adalah sangat baik dan tertuduh menganggap si mati seperti keluarganya sendiri.
- Tertuduh telah bekerja dengan Yu Win Motor sejak tahun 2016 lagi sehingga ditangkap.
- Tertuduh tidak membunuh si mati atau mempunyai apa-apa niat untuk melakukan perbuatan ini.
- Tertuduh tiada di tempat kejadian.
- Tertuduh tidak menyembunyikan si mati.
- Pada 13 April 2018 pukul 2.00 petang, tertuduh sedang bekerja di bengkel Yu Win Motor.
- Semasa bekerja kerja di Yu Win Motor pada 2016, tertuduh mempunyai permit kerja dan semasa ditangkap permit kerja tertuduh masih lagi sah sehingga 2018.
- Tertuduh mempunyai lesen kereta yang sah. Tertuduh mendapat lesen tersebut daripada Mega Pasir Gudang.



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- Tertuduh mengenali SP9 kerana kedua-dua mereka bekerja di bengkel yang sama iaitu di Yu Win Motor. SP9 mula bekerja di bengkel itu pada tahun 2017. SP9 adalah pekerja baru manakala tertuduh pula adalah pekerja lama di bengkel itu.
- Di dalam bengkel itu tertuduh yang paling *senior*. Semasa kejadian tersebut, SP9 adalah pekerja di bawah seliaan tertuduh.
- Seperti tertuduh, SP9 juga adalah warganegara Myanmar. Tertuduh yang *recommend* SP9 untuk bekerja di Yu Win Motor. SP9 tinggal di dalam kontena yang disediakan untuk pekerja-pekerja. SP9 tinggal di kontena bertanda “D” di dalam rajah eksibit P39, manakala tertuduh tinggal bersama-sama dua (2) orang Indonesia iaitu Jami Kerinchi dan teman wanita tertuduh bernama Liana di kontena bertanda “E” di dalam rajah eksibit P39.
- Semasa hari kejadian, Liana tiada kerana pagi-pagi lagi tertuduh pergi menghantar Liana bekerja di sebuah syarikat di Tampoi dan petang baru tertuduh menjemput beliau kembali. Liana bekerja daripada pukul 7.00 pagi sehingga 7.00 petang.
- Tertuduh tidak kenal dengan seorang penama Indonesia yang dipanggil Turbo atau nama sebenarnya adalah Sultantitri.
- Tertuduh menafikan ada mengajak Turbo untuk tinggal di kontena yang bertanda “E” itu pada hari kejadian.



- Tertuduh menafikan ada mengarahkan Turbo untuk menunggu di bilik kontena pada 13 April 2018. Yang ada pada masa itu cuma Liana sahaja tetapi beliau tidak ditangkap oleh pihak polis.
- Pada hari kejadian tertuduh tidak pasti pukul berapa Liana balik kerana tertuduh tidak menjemput Liana pulang.
- Tertuduh menafikan pada hari kejadian telah membawa masuk Turbo ke dalam kontena pada pukul 7.30 pagi selepas menghantar Liana ke tempat kerjanya pada pukul 7.00 pagi.
- Tertuduh mengakui hubungannya dengan si mati adalah sangat rapat. Tertuduh menafikan bahawa beliau sudah jatuh hati pada si mati.
- Tertuduh mengakui pihak polis ada merampas telefon bimbitnya.
- Tertuduh menafikan bahawa semasa pihak polis memeriksa telefonnya didapati ada beberapa gambar si mati di dalam bilik air.
- Tertuduh menafikan telefon bimbit ekshibit P38 yang mengandungi gambar-gambar si mati adalah kepunyaannya.
- Resit pembelian barang yang tertuduh terima daripada pembekal telah ditampal di papan tanda di dinding bengkel tersebut kerana tertuduh tidak berjumpa dengan si mati di pejabat pada pukul 1.00 tengahari itu. Pada kebiasaananya, jika si mati tidak berada di pejabat, tertuduh akan menampal sahaja resit di bengkel dan apabila si mati berada di pejabatnya beliau akan datang sendiri serta menyemak resit-resit tersebut.



- Tertuduh menafikan ada memberitahu si mati pada pukul 1.30 petang untuk pergi ke belakang kontena tempat tertuduh tinggal.
- Setelah tertuduh balik daripada membeli barang dengan pembekal pada pukul 1.00 tenghari, tertuduh melihat SP9, seorang pekerja Bangladesh dan dua (2) orang pemandu berbangsa Melayu berada di bengkel. Azura dilihat tengah makan di meja luar di hadapan pejabat.
- Tertuduh menafikan dua orang pemandu melayu dan seorang Bangladesh itu tidak ada di bengkel pada masa itu (pukul 1.00-1.30 petang) kerana mereka pergi solat jumaat. Mengikut tertuduh, ketiga-tiga mereka berada di situ kerana terdapat tempat sembahyang di kilang jadi mereka sembahyang di situ sahaja.
- Ekshhibit gambar ekshhibit P16 ditunjukkan. Terdapat tangga untuk naik turun. Di atas ada lubang sahaja tempat tertuduh dan kawan-kawan berkumpul untuk merokok dan berehat di situ. Turun ke bawah itu sebenarnya untuk mereka menyorok dan bersembunyi.
- Tertuduh tidak tahu bahawa mayat si mati dijumpai di bahagian bawah tempat tersebut.
- Tertuduh mengatakan Liana memang tinggal bersama-samanya di kontena itu.
- Tertuduh menafikan bahawa pada hari kejadian dan ketika sedang mencari si mati sekitar pukul 2.30 petang sehingga 4.30 petang, tertuduh ada memberitahu SP9 bahawa beliau ada menyimpan si mati di kontena.



- Tertuduh menafikan ada mengugut SP9 supaya tidak menghebohkan perkara ini kepada orang lain.
- Tertuduh menafikan si mati naik ke biliknya dan kemudian tertuduh mengarahkan Turbo tunggu di bilik tertuduh dan mengikat si mati. Ini adalah kerana tertuduh sedang bekerja di waktu itu dan tidak tahu apa-apa.
- Tertuduh menafikan telah membuat persiapan dengan membeli rantai, mangga dan kayu yang dibalut dengan kain untuk mengikat si mati.
- Tertuduh menafikan sengaja memilih pukul 1.00 petang hingga 1.30 petang kerana waktu tersebut orang tidak ramai di pejabat.
- Tertuduh mengakui tempat tidurnya dan lubang tersebut jaraknya dekat sahaja.
- Tertuduh menafikan pada hari kejadian beliau berpakaian dengan penama Turbo untuk menangkap si mati dan mengikat si mati di dalam kontena pada hari kejadian lebih kurang antara pukul 1.20 hingga 2.30 petang.
- Tertuduh menafikan bahawa beliau memerlukan bantuan Turbo untuk membawa si mati turun ke bawah.
- Tertuduh menafikan mempunyai niat untuk berbuat demikian kerana tidak berpuas hati dengan si mati kerana si mati tidak lagi melayan tertuduh.



- Tertuduh menafikan telah merancang untuk membawa lari si mati kerana pada hari kejadian tersebut tertuduh tahu suami si mati berada di luar negara.
- Tertuduh menafikan menyediakan kain untuk mengikat mulut si mati supaya si mati tidak menjerit.

Dapatkan Pesuruhjaya Kehakiman Di Akhir Kes Pembelaan

[27] Di antara lain daptan beliau adalah seperti yang berikut dan kami petik:

"[55] With regard to the defence case, I ruled that his defence was an afterthought and resembled a mere concoction. I say this because the only time he said he was not in the workshop was from 12 to 2 pm. And that was to buy spare parts elsewhere. If only this fact is supported by a purchase receipt, which he allegedly possessed but did not produce in court, it could constitute reasonable doubt that would shake the prosecution case. Unfortunately, nothing tangible was presented and so the allegation remained a rethought piece of evidence.

[56] From the evidence of SP9, the accused did go out of the office from 12 to 12.30 but this does not support the truth of his defence as it most likely, in synchronisation with other pieces of evidence that the accused might be with the deceased, in the container.

[57] I am not being speculative or purposely dealing with conjecture since nobody actually witnesses the crime. I am reminded to a case



of Wen Wuzhuang v. PP (2018) 1 LNS 1676 where Justice Abdul Rahman Sebli said and I quote:

Any finding of fact must be based on evidence and nothing else and this applies even where the burden is merely to raise a reasonable doubt in the prosecution's case. The Court does not deal in conjecture or speculation and there are good reasons for this which we need not elaborate on.

[58] But holding to the basic principle of accepting circumstantial evidence in a criminal case, I am confident that the surrounding circumstances of this case point conclusively to the guilt of the accused and no other person. SPO's evidence was compelling, solid and reliable. The accused defence did not raise a reasonable doubt and to me, a mere afterthought.

[59] As mentioned earlier, a person's intention is a fact that cannot be established by direct evidence. It can only be inferred by inference or from the surrounding circumstances. I am convinced that looking at these surrounding inferences if the accused were to be in a physical position to act or inflict such injuries, the intention is well formed as a fact proved.

[60] Therefore, after careful evaluation of the defence case, it is my finding that the accused had not raised a reasonable doubt in the prosecution case for the offence of murder punishable under section 302 of the Penal Code. All the facts so established are consistent only with the hypothesis of the guilt of the accused, thus I find that the prosecution has proven its case beyond a reasonable doubt.



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

[61] Accordingly, I find the accused guilty and convict him under section 302 of the Penal Code.”

Prinsip Undang-Undang Berkaitan Dapatan Fakta Di Peringkat Rayuan

[28] Di dalam kes ***Herchun Singh & Ors v. PP*** [1969] MLRA 382, Ong Hock Thye CJ (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

“An appellate Court should be slow in disturbing such finding of fact arrived at by the Judge, who had the advantage of seeing and hearing the witness, unless there are substantial and compelling reasons for disagreeing with the finding.”

[29] Di dalam kes ***PP v. Mohd Radzi bin Abu Bakar*** [2005] 2 MLRA 590, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti yang berikut:

“Now, it settled law that it is no part of the function of an appellate court in a criminal case - or indeed any case - to make its own findings of fact. That is a function exclusively reserved by the law to the trial Court. The reason is obvious. An appellate Court is necessarily fettered because it lacks the audio-visual advantage enjoyed by the trial Court.”

Ringkasan Petisyen Rayuan Tertuduh

- (a) Tiada *prima facie* kes yang berjaya dibuktikan oleh pihak pendakwaan.



- (b) Pendakwaan gagal membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah di akhir kes pembelaan.
- (c) Kredibiliti rakan sekerja tertuduh iaitu SP9 diragui dan terdapat percanggahan material di dalam keterangannya dengan saksi-saksi pendakwaan yang lain.
- (d) Pertuduhan terhadap tertuduh adalah cacat kerana peranan dan identiti seorang lagi yang masih bebas tidak dapat dibuktikan oleh pihak pendakwaan.
- (e) Terdapat kehadiran profil DNA yang tidak dikenali yang dikesan pada kerusi dan seluar dalam di mana keterangan ini adalah penting memandangkan si mati adalah dijumpai duduk di atas kerusi tersebut dalam keadaan separuh bogel.
- (f) Perjumpaan kunci dan manga yang dikatakan telah digunakan untuk mengikat si mati bersandarkan kepada kenyataan tertuduh di bawah seksyen 27 Akta Keterangan 1950 meragukan dan bercanggah.
- (g) Tiada profil DNA tertuduh yang dikesan pada sebatang kayu tersebut berbalut dengan kain yang dijumpai di dalam bilik tertuduh (tingkat atas kontena).
- (h) Kegagalan pihak pendakwaan mengemukakan rakaman CCTV yang penuh menjelaskan kes pendakwaan.



- (i) Keterangan ikut keadaan yang ada tidak memadai untuk mensabitkan tertuduh.
- (j) Pihak pendakwaan gagal untuk membuktikan niat atau motif tertuduh untuk membunuh si mati.
- (k) Pembelaan tertuduh adalah munasabah, logik dan boleh dipercayai.
- (l) Pembelaan tertuduh bukan bersifat pemikiran terkemudian (*'afterthought'*) dan rekaan semata-mata (*'mere concoction'*).

Dapatkan Kami

[30] Tidak dinafikan bahawa keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan untuk membuktikan pertuduhannya terhadap tertuduh di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama seksyen 34 Kanun yang sama adalah keterangan bersandarkan keadaan (*circumstantial evidence*). Prinsip undang-undang berkaitan keterangan bersandarkan keadaan ini telah dinyatakan dengan jelas di dalam beberapa nas undang-undang yang mantap.

[31] Di dalam kes **Dato Mokhtar bin Hashim & Anor v. PP** [1983] 2 MLJ 232, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Abdoolcader HMP (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:



"Where circumstantial evidence is the basis of the prosecution case the evidence proved must irresistibly point to one and only one conclusion, the guilt of the accused, but in a case tried without a jury the failure by the court to expressly state this is not fatal and it would suffice if it merely says that it is satisfied as to the guilt of the accused beyond reasonable doubt (Jayaraman and Ors v PP)."

[32] Di dalam kes **Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases** [1987] 1 CLJ 540; [1987] 2 MLJ 336, Mahkamah Agung melalui penghakiman yang disampaikan oleh Syed Agil Barakbah, HMA (beliau pada ketika itu) telah menggariskan undang-undang berkaitan niat bersama bila beliau menyatakan seperti yang berikut:

"Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the Accused. (see the Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950-1960 by J.K Soonavala page 188 to 193)."

[33] Di dalam kes **Idris v. Public Prosecutor** (1960) 26 MLJ 296, Mahkamah melalui penghakiman yang disampaikan oleh Hill Ag. C.J. memutuskan seperti yang berikut:



"With regard to the definition of circumstantial evidence I can give you no better definition than quote to you the words of Lord Cairns in the case of Belhaven & Stenton Peerage reported in 1875-6 Appeal Cases, page 297:

My Lords, in dealing with circumstantial evidence we have to consider the weight which is to be given to the united force of all the circumstances put together. You may have a ray of light so feeble that by itself it will do little to elucidate a dark corner. But on the other hand you may have a number of rays, each of them insufficient, but all converging and brought to bear upon the same point, and when united, producing a body of illumination which will clear away the darkness which you are endeavouring to dispel.

In other words circumstantial evidence consists of this: that when you look at all the surrounding circumstances, you find such a series of undersigned, unexpected coincidences that, as a reasonable person, you find your judgment is compelled to one conclusion. If the circumstantial evidence is such as to fall short of that standard, if it does not satisfy that test, if it leaves gaps then it is of no use at all."

[34] Keterangan-keterangan yang mengaitkan penglibatan tertuduh dengan pertuduhan ini adalah seperti yang berikut:

(A) SP9 mengesahkan beliau telah dimaklumkan oleh tertuduh bahawa si mati telah disimpan oleh tertuduh di dalam kontena. Maklumat ini telah disampaikan oleh SP9 kepada Inspektor Thian Bun Pin (SP11) dan hasil maklumat tersebut mayat si mati telah dijumpai oleh pihak polis.



(B) SP9 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan utama** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2(1) m/s 153-160) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Jadi selepas itu seterusnya?*

J: *Polis tanya pada saya di mana madam berada sekarang saya jawab saya tidak tahu.*

S: *Pada masa polis tanya kamu itu kamu takut ke?*

J: *Ya*

S: *Kenapa takut?*

J: *Saya takut nanti seseorang datang mencederakan saya.*

S: *Apa maksud kamu. Siapa seseorang?*

J: *Than*

S: *Kenapa takut Than cederakan kamu?*

J: *Kerana Than menyembunyikan madam.*

S: *Macam mana kamu tahu Than yang sembunyikan madam?*

J: *Than yang beritahu saya.*



S: *Bila Than beritahu kamu ini?*

J: *Pada hari kejadian jam 3.00 hingga 3.30 petang itu.*

S: *Than bagitahu macam mana, ayat dia?*

J: *Than beritahu saya, "saya sembunyikan madam di dalam kontena saya".*

S: *Apabila Than beritahu kamu yang dia sembunyikan madam dalam kontena dia, apa reaksi kamu?*

J: *Saya tidak memberitahu apa-apa dan saya senyap saja.*

S: *Kenapa ini? Sebab kamu tahu kan sekarang ini madam hilang. Jadi apabila Than beritahu kamu ini, bila dia beritahu kamu dia sembunyikan madam di kontena dia? Sebelum madam hilang atau semasa mereka mencari madam?*

J: *Selepas semua orang mencari.*

S: *Pada masa itu semua orang cari madam kamu tahu yang madam ini disembunyikan oleh Than?*

J: *Semasa semua orang mencari madam saya belum tahu lagi, sedang semua orang tengah cari saya dapat tahu Than sembunyikan madam.*



S: Kalau pada masa tu kamu tahu semua orang tengah cari madam, dan Than bagi tahu kenapa kamu tak bagitahu pada orang yang sedang cari? Pada Kak Zila, Razak, Kak Zura kenapa kamu tak bagitahu?

J: Saya takut Than akan melakukan sesuatu kepada saya.

S: Kenapa kamu takut?

J: Saya takut-takut kalau dia tumbuk saya atau cederakan saya atau bunuh saya.

S: Adakah Than mengugut kamu kalau bagitahu dia akan cederakan kamu?

J: Than bagitahu pada saya yang perkara ni jangan bagitahu pada sesiapa. Dia ada bagitahu pada saya jangan bagitahu sesiapa kalau tidak saya akan lakukan sesuatu pada awak.

S: Jadi kamu takut pada Than?

J: Ya.

S: Jadi tindakan seterusnya bila dah bagitahu polis tak tahu?

J: Lepas tanya saya polis berpecah dan cari madam.

S: Ada polis jumpa bila cari madam masa tu?



J: *Tidak jumpa.*

S: *Lepas polis cari tak jumpa, findakan seterusnya apa yang berlaku?*

J: *Semasa selepas polis tanya saya dan saya pergi ke satu sudut yang lain, dan polis datang sekali lagi bertanya pada saya, saya telah bagitahu.*

S: *Apa yang kamu bagitahu pada polis?*

J: *Saya memberitahu pada polis Ah Than menyembunyikan madam di dalam bawah kontena.*

S: *Selepas kamu bagitahu polis ini apa tindakan seterusnya? Apa lagi yang berlaku?*

J: *Semua polis pergi cari madam di dalam kontena.*

S: *Pada masa kamu beritahu polis Ah Than sembunyikan madam bawah kontena ini, kontena siapa? Ada berapa kontena di situ?*

J: *Ada 3 kontena.*

S: *Macam mana polis boleh pergi ke kontena tersebut? Siapa yang bawa polis?*

J: *Teoh yang bawa polis.*

S: *Kamu buat apa?*



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

J: *Pada masa itu polis sedang menyiasat saya lagi.*

S: *Polis ada pergi ke kontena tersebut, polis ada jumpa?*

J: *Ada.*

S: *Kamu ada pergi sekali tak dengan polis ke kontena tersebut?*

J: *Tidak.*

S: *Macam mana polis boleh jumpa madam di dalam kontena tersebut?*

J: *Saya tak tahu sebab saya tidak ikut mereka masa tu.*

S: *Lepas tu kamu ada pergi kontena itu?*

J: *Tidak.*

S: *Sebelum dari tu kamu pernah pergi kontena itu?*

J: *Tidak pernah.*

S: *Sekali pun tak pernah?*

J: *Saya pernah sampai ke sana semasa membuat bilik di kontena itu.*

S: *Apa maksud membuat bilik di kontena, siapa yang tinggal di kontena ini?*



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

J: *Tiada siapa yang tinggal selain Ah Than.*

S: *Yang dia kata dia sampai masa buat bilik, buat bilik di tingkat atas tu atau macam mana?*

J: *Ya bilik atas.*

S: *Kamu buat bilik siapa?*

J: *Saya tolongkan buat bilik bersama bilik Than.*

S: *Bilik yang di buat ini bilik macam mana ya?*

J: *Ada batu dari bawah ke atas.*

S: *Di bahagian mana yang kata ada batu bata ini?*

J: *Dari bawah ke atas.*

S: *Bilik yang dia kata dia buat ini bilik besar ke bilik kecil?*

J: *Kecil. Sebenarnya saya tak nak buat tapi sebab Ah Than minta tolong saya buat jadi saya tolong.*

S: *Jadi kamu tolong buat bilik itu sehingga siap lah?*

J: *Ya sehingga siap.*



S: *Jadi lepas siap macam mana keadaan bilik sekarang yang dah siap ini?*

J: *Baik.*

S: *Maksud baik ni macam mana?*

J: *Buat daripada batu jadi nampak bilik tu kukuh.*

S: *Kenapa Ah Than minta kamu buat bilik tersebut?*

J: *Ah Than pernah bagitahu saya tujuan buat bilik ini apabila polis datang untuk dapat sembunyikan diri semasa pemeriksaan polis.*

S: *Kenapa nak sembunyikan diri semasa pemeriksaan polis?*

J: *Kerana tiada passport.*

S: *Siapa yang tiada passport?*

J: *Kami semua.*

S: *Siapa kami itu?*

J: *Saya, Than dan Bangla. Than ada passport.*

S: *Jadi siapa yang tak ada passport? Kamu ada?*

J: *Tak ada, semasa Than bagitahu saya belum ada passport.*



...

S: *Tadi kamu kata setelah kamu beritahu polis yang Than beritahu dia telah sembunyikan madam di atas. Polis telah naik ke atas dan kamu di bawah? Ada pada bila-bila masa kamu naik atas?*

J: *Tidak, di bawah sahaja.*

S: *Jadi selepas polis naik ke atas, polis jumpa madam kemudian apa lagi berlaku?*

J: *Semasa polis naik polis tak jumpa.*

S: *Oh tak jumpa? Kemudian?*

J: *Kemudian polis turun balik.*

S: *Bila polis turun balik itu kemudian?*

J: *Selepas saya bagitahu baru polis dapat tahu.*

S: *Adakah kamu tunjuk tempat itu kepada polis?*

J: *Tidak saya cuma bagitahu sahaja.*

S: *Lepas kamu bagitahu baru polis naik dan polis ada jumpa?*

J: *Ya mereka jumpa.*



[35] Selanjutnya, SP9 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan balas** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2 (1) m/s 164-165) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Kali pertama polis siasat encik pukul berapa?*

J: *Antara pukul 5 hingga 5.30.*

S: *Setuju dengan saya masa kali pertama polis tanya di mana madam encik cakap encik tak tahu, betul?*

J: *Ya.*

S: *Bila kali kedua polis siasat encik pukul berapa?*

J: *Dalam jam 7 hingga 7.30 petang.*

S: *Lebih kurang 2 jam setuju?*

J: *Ya.*

S: *Saya katakan masa kali pertama polis tanya encik mana madam, encik tiada sebab untuk takut terhadap Than sebab ada 10 orang anggota di sana. Setuju?*

J: *Saya masih takut, tidak setuju.*



S: *Saya katakan encik mengambil 2 jam untuk memberitahu polis sebab encik dah bercadang dah plan untuk melibatkan Than Nwe Soe dalam kes ini.*

J: *Saya tidak setuju.*

S: *Saya katakan encik melibatkan Than dalam kes ini sebab encik tak suka Than.*

J: *Tidak*

S: *Saya katakan Than tidak pernah bagitahu pada encik yang madam berada di bawah kontena.*

J: *Saya tidak setuju.*

S: *Soalan saya bagaimana Than memberitahu pada encik?*

J: *Dia beritahu saya yang dia masukkan boss di dalam kontena dan jangan bagitahu sesiapa.*

S: *Saya katakan encik mengambil 2 jam untuk memberitahu polis sebab encik dah bercadang dah plan untuk melibatkan Than Nwe Soe dalam kes ini.*

J: *Saya tidak setuju.*

S: *Saya katakan encik melibatkan Than dalam kes ini sebab encik tak suka Than.*



J: *Tidak.*

S: *Saya katakan Than tidak pernah bagitahu pada encik yang madam berada di bawah kontena.*

J: *Saya tidak setuju.*

S: *Soalan saya bagaimana Than memberitahu pada encik?*

J: *Dia beritahu saya yang dia masukkan boss di dalam kontena dan jangan bagitahu sesiapa.*

(C) SP11 yang membuat siasatan awal di tempat kejadian telah melihat rakaman CCTV bersama-sama dengan kakitangan di Yu Win Motor mengesahkan bahawa tertuduh adalah merupakan orang yang terakhir berada bersama si mati. Selepas tertuduh dan si mati dilihat melalui CCTV bercakap-cakap, si mati terus keluar daripada pejabatnya dan menghala ke bahagian belakang pejabat dan selepas itu si mati tidak kembali semula sehingga mayatnya ditemui di dalam kontena tempat penginapan tertuduh.

[36] Walaupun kami amat menyedari bahawa tiada saksi mata yang melihat tertuduh melakukan perbuatan tersebut dan sabitan tidak boleh dibuat hanya semata-mata bersandarkan kepada nilai keterangan “*last seen together*” sahaja, namun seperti yang telah kami katakan di atas, keterangan dokumentar melalui CCTV tersebut jelas membuktikan bahawa tertuduh adalah orang terakhir yang dilihat bersama-sama si mati. Maka dengan itu, prinsip “*last seen together*” tersebut boleh



digunakan sebagai sebahagian keterangan sokongan yang dapat mengaitkan tertuduh dengan kesalahan bunuh ini.

[37] Keterangan SP11 yang dipetik di bawah ini menjelaskan dengan lebih terang tentang perjumpaan si mati dengan tertuduh sejurus sebelum si mati menemui ajalnya.

[38] SP11 didalam keterangannya semasa **pemeriksaan utama** (Kandungan 12 Rekod Rayuan Jilid 2(2) m/s 201-206) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Apabila kamu terima laporan itu apa tindakan seterusnya?*

J: *Saya telah memaklumkan kepada SIO ASP Afdhal dan saya dan beliau terus ke tempat kejadian di Lot 35697, Jalan Seri Purnama 6, Kg Sri Purnama, Yu Win Motor Trading Sdn Bhd.*

S: *Jadi apabila sampai di sana apa yang kamu lakukan?*

J: *Sampai di sana saya menjalankan siasatan dengan yang pertama saya berjumpa pengadu kes Cik Zila selepas itu saya terus ke pejabat dia dan meneliti rakaman CCTV yang ada. Jadi Cik Zila telah menunjukkan kepada saya rakaman CCTV yang mana dapat tangkap majikan dia pergi ke belakang premis dan hilang selepas itu.*

S: *Kamu ada melihat rakaman CCTV tersebut ya?*

J: *Ya*



- S: Jadi setelah melihat rakaman CCTV tersebut, tindakan kamu selepas itu?
- J: Setelah lihat rakaman CCTV tersebut, saya telah jumpa beberapa orang staff di pejabat tersebut yang mana saya dah jumpa staff dan tanya pada mereka macam mana di katakan majikan mereka hilang. Staff dia ada membawa saya ke belakang premis dan tunjukkan kepada saya kasut yang ditinggalkan oleh majikan dia di belakang pagar dan di pagar ada satu lubang yang kecil.
- S: Jadi setelah kamu melihat lubang tersebut dan tak muat untuk keluar, apa tindakan seterusnya?
- J: **Seterusnya saya telah balik semula ke kawasan pejabat lepas tu saya telah menjalankan siasatan dan saya tengok staff dua lelaki Myanmar dan saya tengok reaksi mereka macam risau, macam mencurigakan di mana saya lihat mereka dalam keadaan tidak tenang, saya telah panggil salah seorang lelaki Myanmar tersebut tanya berkenaan kehilangan majikan dia. Selepas soal siasat dijalankan lelaki sama bernama Ong telah memberitahu saya bahawa Than yang memberitahu dia madam disimpan di atas kontena.**
- S: Kamu kata kamu menjalankan siasatan ke atas lelaki Myanmar, jadi macam mana cara kamu berkomunikasi dengan dia?
- J: Saya menggunakan Bahasa Melayu yang dia boleh faham dan dia memberitahu saya memang dua-dua boleh faham bahasa melayu yang biasa. Selepas saya mendapat clue bahawa madam berada



di kontena milik Than saya telah meminta salah seorang pekerja premis iaitu 1 lelaki Cina bernama Teo, dia telah membawa saya ke atas kontena tersebut dan saya membuat siasatan di atas rumah kontena tersebut. Pada mulanya kita tak jumpa mana-mana tempat penyimpanan madam. Selepas itu saya telah selongkar keseluruhan kontena di mana saya telah memindahkan satu sofa dan dibawah satu sofa itu kita dapati ada satu tikar seakan-akan ada 1 lubang di bawah. Jadi saya telah membuka tikar tersebut dan pemerhatian mata saya, saya nampak madam diikat di bawah lubang kontena tersebut.

S: *Jadi dalam kes ini sebab pihak polis hanya menjumpai mayat tersebut selepas diberitahu oleh Ang dan Teo bawa kamu ke atas. Sebelum itu siasatan kamu adakah kamu ada periksa tempat lain?*

J: *Saya ada menjalankan siasatan keseluruhan premis di mana kawasan belakang premis terdapat lubang, saya juga keluar ke belakang ada premis kompleks sukan. Saya juga cuba untuk mendapatkan rakaman CCTV di belakang premis tapi memang di belakang premis tersebut tidak mempunyai rakaman CCTV. Jadi kita siasat bila seseorang hilang kita akan cuba untuk mendapatkan CCTV bukan setakat di dalam premis tapi di sekliling premis untuk mengesahkan macam mana dia keluar.*

S: *Jadi di premis ini ada berapa entrance?*

J: *Kita tengok ada lebih kurang 3 entrance, depan belakang dan tepi.*

S: *Ada dapat CCTV pada bahagian entrance?*



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

J: *Ada.*

S: *Ada kamu melihat CCTV entrance tersebut?*

J: ***Ada lihat. Masa yang panjang kita ambil untuk kaji CCTV. Pada masa itu kita hanya nampak suspek Than berjumpa mangsa dan selepas itu mangsa berjalan ke arah belakang dan terus tak dapat dikesan dalam liputan CCTV.***

[39] Selanjutnya, SP11 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan balas** (Kandungan 12 Rekod Rayuan Jilid 2 (2) m/s 208-209) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Insp kata ada semak CCTV, bagaimana semak CCTV tersebut?*

J: *Saya minta pengadu tunjuk kepada saya sebab dalam report pengadu ada kata, dia tunjuk keadaan majikan dia hilang di kawasan belakang.*

S: *Pohon rujuk kepada ID6, Insp kata Than ada bercakap dengan majikan?*

J: *Betul.*

S: *Bagaimana Insp sahkan bahawa itu adalah Than?*

J: *Kita sahkan melalui pengadu, Zila.*



S: *Tapi dari segi rakaman CCTV tak jelas?*

J: *Betul.*

S: *Insp juga kata majikan berjalan ke arah belakang kontena, macam mana sahkan madam berjalan ke bahagian kontena?*

J: *Kita hanya pastikan dia jalan ke arah belakang dan hilang di arah belakang.*

S: *Belakang itu boleh ke tempat lain?*

J: *Ya kawasan belakang premis.*

S: *Insp kata 2 lelaki Myanmar dalam keadaan risau. Risau itu macam mana?*

J: *Mereka keadaan tidak tenang, gelisah.*

S: *Ang dan Than?*

J: *Ya.*

S: *Tadi Insp kata Than risau. Saya katakan Than risau sebab majikan dia hilang. Insp tahu atau tidak?*

J: *Tidak tahu.*



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

S: *Saya katakan Than risau sebab hubungan dia dengan majikan adalah baik?*

J: *Tidak tahu.*

S: *Tadi Insp kata Ang bagitahu ada kemungkinan Ah Than simpan madam?*

J: *Ang bagitahu saya Than yang simpan madam.*

[40] Seterusnya SP11 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan semula** (Kandungan 12 Rekod Rayuan Jilid 2 (2) m/s 214) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Insp tadi semasa soal balas peguam, peguam ada tunjukkan rakaman CCTV dan kamu mengatakan gambar rakaman CCTV ini tidak jelas. Boleh jelaskan apa maksud kamu?*

J: *Gambar CCTV berpandukan pada keterangan Zila. Zila cakap itu majikan dan Than, sebelum sampai di tempat kejadian saya tak tahu siapa majikan dia dan siapakah Than melainkan pekerja di syarikat tersebut yang memberitahu saya inilah rakaman yang mereka lihat, inilah kenapa mereka buat laporan polis majikan dia diculik.*

[41] SP2 (Haazilla Qumaira binti Miskan) pekerja di syarikat Yu Win Motor Trading Sdn Bhd di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan utama** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2 (1)m/s 24-26) menyatakan seperti yang berikut:



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

S: *Pohon rujuk gambar CCTV ID 6 (1-16) adakah ini betul gambar rakaman CCTV yang Zila lihat pada hari tersebut?*

J: *Betul.*

S: *Tengok gambar 1. Dalam gambar 1 itu gambar apa?*

J: *Gambar 1 gambar majikan saya di office.*

S: *Nampak seorang perempuan itu majikan?*

J: *Ya*

S: *Seterusnya?*

J: *Gambar 2 gambar majikan saya dan di pintu itu Ah Tan. Gambar 3 ini gambar majikan saya dengan Ah Tan, gambar 4 majikan saya dengan Ah Tan, gambar 5 majikan saya bersama Ah Tan, gambar 6 hanya majikan. Gambar 7 ini majikan saya. Gambar 8 pun majikan.*

S: *Gambar 8 ini menghala ke mana?*

J: *Menghala ke pejabat.*

S: *Gambar 9?*

J: *Gambar 9 majikan saya. Gambar 10 majikan saya.*



S: *Ini menghala mana?*

J: *Menghala belakang.*

S: *Gambar 11?*

J: ***Gambar 11 majikan saya nak ke belakang. Gambar 12 majikan saya menghala ke belakang, gambar 13 majikan saya menghala ke belakang, gambar 14 majikan saya menghala ke belakang, gambar 15 majikan saya menghala ke belakang, gambar 16 majikan saya menghala ke belakang.***

S: *Kalau kamu tahu kamera CCTV ini daripada mana?*

J: *Yang ke belakang ini dari hadapan ke belakang, untuk yang nombor 13 daripada tepi menunjuk ke bilik air.*

S: *Baik dengan merujuk gambar 15 dan 16 boleh kamu jelaskan pada mahkamah, gambar 15 dan 16 ini tunjukkan majikan ke belakang, tapi dalam kamera itu macam ke arah mana?*

J: *Dia menghala ke kiri terus ke belakang.*

S: *Ke kiri itu tempat apa?*

J: *Tempat parking lori dan ke kontena ke kiri juga tempat yang sama.*



[42] Selanjutnya, SP2 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan semula** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2 (1) m/s 38-40) menyatakan seperti yang berikut:

- S: *Tadi kamu dirujuk gambar rakaman cctv dan dikatakan tidak jelas, masa beri keterangan kamu katakan itu gambar OKT, kalau gambar tak jelas macam mana boleh katakan itu Ah Than?*
- J: *Semasa saya tengok CCTV rakaman itu amat jelas itu adalah Ah Than.*
- S: *Tapi tadi saya tanya kamu kata Ah Than tinggal di kontena?*
- J: *Setahu saya hanya Ah Than tidak ada orang-orang lain selain Ah Than.*
- S: *Tadi peguam juga cakap yang Aung, dia juga ada tinggal di kontena, kamu jawab ya.*
- J: *Aung tinggal di kontena sebelah bawah.*
- S: *Adakah kontena sebelah bawah ini sama dengan kontena Ah Than?*
- J: *Tidak.*

[43] Berdasarkan kepada keterangan SP11 dan SP3 di atas, pada hemat kami prinsip "*last seen together*" ini adalah relevan dan terpakai



terhadap tertuduh di dalam kes ini sepetimana yang dijelaskan di dalam kes **PP v. Mohd Yusri Yusof** [2020] 1 LNS 110 di mana Mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

[57] The recent Court of Appeal case of Rakesh Kumar Thangagrajoo Jwn PP & kes lain [2017] 1 LNS 502 discussed the said concept and held the following: "Kami juga bersetuju dengan penghujahan Timbalan Pendakwa Raya berkenaan dengan pemakaian konsep "last seen together" seperti mana diputuskan dalam kes Ashok v State of Maharashtra [2015] 4 Supreme Court 393. Dalam kes ini, Mahkamah Agung di India telah memutuskan seperti yang berikut:

The "last seen together" theory has been elucidated by this Court in Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra [2006] 10 SCC 106, in the following words:

Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer any explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden on the accused, requiring him to explain how the accident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish



any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him.”

[44] Di dalam kes **Kagatree a/p Pechi v. PP & Another Appeal** [2023] 3 MLJ 154, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Nordin Hassan HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

“[56] On this issue, the evidential value of 'last seen together' is, inter alia, to show that there was an opportunity for the person last seen with the victim to commit the offence against the victim. It is corroborative in nature which corroborates the other evidence presented by the prosecution. Consequently, the last person with the accused has to explain his presence with the victim at the material time. This theory or doctrine of last seen together is applicable especially when the time gap between the accused and the victim were last seen alive was very short which could exclude another person from committing the offence against the victim.

[57] *Sarkar Law of Evidence (18th Ed, Vol J) at p140, states this: The last seen theory comes into play where the time-gap between the point of time when the accused and the deceased were last seen alive and when the deceased is found dead is so small that possibility of any person other than the accused being the author of the crime becomes impossible. It would be difficult in some cases to positively establish that the deceased was last seen with the accused when there is a long gap and the possibility of other persons coming in between exist. In absence of any other positive evidence to conclude that the accused and the*



deceased were last seen together, it would be hazardous to come to a conclusion of guilt in those cases. The circumstance of last seen together does not by itself and necessarily lead to the inference that the accused who committed the offence.

(Emphasis added)

[58] In a recent case of **Salem ak Brayon v. Public Prosecutor** [2023] 1 MLJ 441 [2022] 1 LNS 2917, this court had the opportunity to deal with the same issue and explained as follows:

[53] Our attention was drawn to the Indian Supreme Court decision of *Ashok v State of Maharashtra* [2015/4 Supreme Court 393 where the Supreme Court of India held that:

*The “last seen together” theory has been elucidated by this court in *Trimukh Marotiu Kirkan v State of Maharashtra* [2006] 10 SCC 106, in the following words:*

Where an accused is alleged to have committed the murder of his wife and the prosecution succeeds in leading evidence to show that shortly before the commission of crime they were seen together or the offence takes place in the dwelling home where the husband also normally resided, it has been consistently held that if the accused does not offer an explanation how the wife received injuries or offers an explanation which is found to be false, it is a strong circumstance which indicates that he is responsible for commission of the crime. Thus, the doctrine of last seen together shifts the burden of proof on the accused, requiring him to explain how the incident had occurred. Failure on the part of the accused to furnish



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

any explanation in this regard, would give rise to a very strong presumption against him.

[54] Under the circumstances of this case where, in our view, the 'last seen together' theory applies, the burden shifted to the appellant to proffer a strong and cogent explanation and rebut the presumption that his act or series of acts led to the deceased's death and the inference that he committed the acts. The absence of such an explanation would be detrimental to his defence (see Nika Ram v State of HP [1972] 2 SCC 80 KanhaiyaLal v State of Rajasthan [2014] 4 SCC 715). (Emphasis added.)

[59] Reverting to the present case, the evidence of 'last seen together' is not the only evidence presented by the prosecution. There is ample other evidence produced before the court as alluded to earlier, to show the first appellant's common intention with the second appellant's in the offence of murder against the victim. This is reflected in the trial judge's grounds of judgment which, inter alia states:

[63] To conclude, it was evident that the first accused, Kagatree had committed the crime by participating in it based on the evidence from the CCTV recording, she was the last person markedly seen to be with the deceased. Furthermore, the loot was found in her presence and she was the one who gave directions to where the other stolen items were thrown away ...



[60] Further, the time gap between the appellants' last seen with the victim alive is only a short while before PW10 found the victim motionless in house No 19. we find the trial judge was not wrong in applying the doctrine of "last seen together" against the appellants."

[45] Di dalam kes **Mohd Saifulrizan bin Sainan v. Public Prosecutor** [2021] 1 MLJ 214, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Mohamad Zabidin Mohd Diah HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

"[41] We are aware that the fact the appellant was the last seen with the deceased by itself may not be enough to prove a case beyond reasonable doubt, but in this case, it is pertinent to note, PW4 saw the appellant putting the deceased in his car at about 7am. There were only two of them in the car. Both left and about 30 minutes later, PW4 saw the appellant coming back alone. The spot where the deceased was found is 8km away from the deceased home and approximately 15 minutes by car as testified by PW 14. Therefore, on of account of the close proximity of place and time between the event the appellant having last seen with the deceased and the factum of death, it is reasonable to conclude that either the appellant should explain how and in what circumstances the deceased suffered the death or should own the liability for the homicide. The Supreme Court of India in Rishi Pal v State of Uttarakhannd 2013 (2) ACR 147, had this to say regarding the principle of last seen evidence:

16. In Mohibur Rahman and Anr v State of Assam (2002) 6 SCC 715, this Court held that the circumstance of last seen does not by



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

itself necessarily lead to the inference that it was the accused who committed the crime. It depends upon the facts of each case. There may however be cases where, on account of close proximity of place and time between the event of the accused having been last seen with the deceased and the factum of death, a rational mind may be persuaded to reach an irresistible conclusion that either the accused should explain how and in what circumstances the victim suffered the death or should own the liability for the homicide. Similarly, in Ariun Marik and Ors v State of [Bihar 1994 Supp (2) SCC 372, this Court reiterated that the solitary circumstance of the accused and victim being last seen will not complete the chain of circumstances for the Court to record a finding that it is consistent only with the hypothesis of the guilt of the accused. No conviction on that basis alone can therefore, be founded.

[42] In this case, the prosecution's case was not entirely based on the last seen theory. The finding of guilt made by the trial judge was also not relied on the last seen theory alone, but based on all the circumstantial evidence produced which when taken together would only point to the guilt of the appellant. Other than the fact that the appellant was last seen with the deceased, supported with an account of close proximity of place and time between the event the appellant having last seen with the deceased and the factum of death, learned trial judge also took into account the bad family relationship between the appellant and the deceased's family as the motive which connects the appellant to the factum of murder. The fact that the appellant had revealed to PW8 the whereabouts of the deceased and the dead body of the deceased was recovered by the police based on the appellant's information, the blood stain in the



appellant's car which contained the deceased DNA were also taken into account. Based on all these evidences, we find no reason to disagree with the learned trial judge's conclusion that it is safe to conclude that the appellant, who was last seen with the deceased, brought the deceased there, gripped the deceased by his chest (based on PW5's evidence that the deceased chest was gripped) threw him into the river and left him there to drown. "

[43] For the above said reasons, we find the learned trial judge had not committed any appealable error in dealing with the circumstantial evidence before her and made a correct conclusion that the available evidence could lead to only one irresistible conclusion and that conclusion is that it was the appellant who had committed the murder of the deceased. Therefore, the first ground raised by appellant is without merit."

(D) Keterangan SP3, SP8, SP9 dan SP10 mengesahkan bahawa tempat di mana mayat si mati dijumpai adalah tempat tinggal tertuduh seorang sahaja, tiada orang lain yang tinggal di kontena tersebut. Pintu masuk ke lubang di mana tempat mayat si mati dijumpai hanya boleh diakses melalui bilik kontena tempat tinggal tertuduh.

[46] Bagi memperjelaskan keterangan di atas ini, SP8 (Abdul Razak bin Jafar) yang ketika kejadian bekerja di syarikat Yu Win Motor Trading Sdn Bhd di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan utama** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2(1) m/s 129-133) menyatakan seperti yang berikut:



S: *Jadi bila tahu Madam tak ada tapi barang-barang handbag dia ada ini, seterusnya?*

J: *Saya tanya Azura dah cari ke belum, dah call handphone madam ke? Dia kata tak dapat dihubungi, lepas tu tak syaki apa-apa permulaannya. Cuma pekerja mencari di kawasan kedai.*

S: *Bila dah cari tak jumpa?*

J: *Saya cuba hubungi suami Madam Goh dan ketika itu beliau baru pergi ke Bangkok, saya bagitahu Mr Chiew madam dah hilang.*

S: *Kenapa pada masa tu kamu rasa pada masa itu madam dah hilang, sebab baru berapa jam.*

J: *Sebab masa saya tidur tu saya rasa dia dah hilang yang sedar kerana lah, saya balik makan dah 2 jam lebih dia selalu keluar tak lewat. Tak pernah lewat.*

S: *Kemudian seterusnya?*

J: *Seterusnya kami semua pekerja yang ada cuba mencari di bahagian belakang kedai.*

S: *Kemudian?*

J: *Kemudian masa kami mencari-cari, saya perhatikan gerak gerik pekerja saya. Dan saya dapat rasakan dan dapat melihat bahawa Than macam gelisah macam sesuatu berlaku.*



S: *Pada masa itu macam mana yang kamu kata kamu perhati gerak geri dan kamu dapat lihat?*

J: *Masa itu Teoh salesman saya ada pergi naik bilik Than (tertuduh) masa dia naik itu saya lagi nampak perubahan pada diri Than seolah-olah ada merahsiakan sesuatu.*

S: *Baik Than ini dia bekerja di situ bersama-sama dengan kamu?*

J: *Ya*

S: *Than bekerja sebagai apa?*

J: *Sebagai mekanik.*

S: *Than ini bangsa apa?*

J: *Orang Myanmar.*

S: *Tadi kamu kata kamu nampak Than ini macam gelisah. Boleh jelaskan macam mana?*

J: *Dia berubah setelah Teoh naik bilik dia.*

S: *Kamu kata bilik Than, bilik Than ni di mana?*

J: *Bilik Than di bahagian belakang kedai di tingkat atas kontena, belakang office.*



S: *Bilik macam mana?*

J: *Kontena 2 tingkat. Di bawah stor, atas bilik dia tempat tinggal.*

S: *Jadi Than ini dia tinggal di situ dengan siapa?*

J: *Yang saya tahu dia tinggal sendiri.*

S: *Baik setelah kamu kata kamu perhatikan gerak geri pekerja dan nampak Than dalam keadaan gelisah kemudian selepas itu?*

J: *Selepas itu dia cuba mengambil perhatian kita untuk mencari madam di kawasan lain di penjuru kedai.*

S: *Cuba ambil perhatian mencari di kawasan lain itu di kawasan mana?*

J: *Belakang dari kedai di pintu pagar zink.*

S: *Macam mana tu cara kamu kata dia cuba alihkan perhatian?*

J: *Dia cuba panggil kita untuk cari tempat lain dan bila tiba di penjuru kedai dia tunjukkan pada kami semua bahawa satu pagar dah terumpil dan selipar Madam Goh berada di tepi pagar tersebut.*

S: *Adakah Encik Razak pergi ke arah pagar zink tu?*

J: *Ya saya pergi.*



S: *Setelah cari ini, dah pukul berapa?*

J: *Masih tak jumpa lebih kurang jam 5 ke 5.30 petang.*

S: *Jadi apabila dalam 5.30 masih cari tak jumpa apa tindakan kamu buat?*

J: *Tindakan yang saya buat, saya minta Than untuk ambil anak madam di sekolah, anak kecil.*

S: *Di sekolah mana?*

J: *Saya tak pasti sekolah dekat mana, tapi dia sekolah private school.*

S: *Jadi apabila minta Than ambil anak madam ini?*

J: *Dari situ saya nampak daripada jawapan yang dia bagi itu memang dia menipu saya. Dia cakap tak tahu sekolah.*

S: *Kenapa kamu kata dia tipu?*

J: *Sebab dia pernah pergi ambil anak madam balik sekolah.*

[47] SP10 (Teo Zhi Wei) jurujual di Yu-Win Motor Sdn Bhd didalam keterangannya semasa pemeriksaan utama (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2 (1) m/s 179-185) menyatakan seperti yang berikut:



S: *Siapa yang pergi ke belakang kedai cari madam?*

J: *Zura, Zila dan saya pergi belakang kedai cari madam tapi tak jumpa.*

S: *Kemudian?*

J: *Lepas itu saya suruh Zila tengok CCTV. Lepas itu saya pergi ke JPJ mengendalikan urusan saya. Lepas itu pukul 5 lebih saya pulang ke kedai. Lepas itu mereka nampak CCTV itu, gambaran terakhir CCTV adalah madam berjalan menghala ke arah tandas, itu arah ke kontena.*

S: *Mereka ini siapa?*

J: *Zila dan Zura.*

S: *Teo, kamu ada lihat rakaman CCTV itu?*

J: *Saya ada tengok.*

S: *Kamu kata dalam rakaman terakhir CCTV madam berjalan ke arah kontena. Kontena ini tempat apa?*

J: *Di bawah stor simpan tayar dan di atas tempat kediaman Ah Than.*

S: *Seterusnya Teo tadi kamu kata polis telah merakam soal siasat kamu lepas tu polis dan kamu bersama dengan Zila dan Zura memberi rakaman percakapan. Lepas itu apa berlaku?*



J: *Lepas tu kami tunggu di dalam pejabat. Kami tunggu sehingga pukul 8 lebih sehingga 9 malam. Lepas tu polis salah seorang polis ada bawa saya ke kontena tingkat atas tempat Ah Than cari lagi. Lepas tu nak naik tangga ke atas tempat Ah Than di atas tangga tu ada satu ruang ada satu sofa.*

S: *Tingkat atas itu tempat apa?*

J: *Untuk kediaman Ah Than seorang sahaja.*

S: *Maksudnya bilik Ah Than?*

J: *Benar Yang Arif.*

S: *Kemudian?*

J: *Lepas itu naik tangga tu ada ruang atas tu ada carpert. Lepas tu pihak polis alihkan sofa tu dan nampak sebidang carpet dan carpet tu ada curve tenggelam sedikit turun bawah, polis alihkan karpet nampak satu lubang macam secret punya tempat itu, lepas tu waktu itu Ah Than sedang memberi keterangan pada polis, polis suruh saya turun bawah bagitahu polis yang lain sudah dapat cari dan suruh gari Ah Than.*

[48] Selanjutnya SP10 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan balas** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2(1) m/s 189-192) menyatakan seperti yang berikut:



S: *Setuju dengan saya kadang-kadang madam akan suruh Ah Than ambil anak dia di sekolah?*

J: *Tidak ada.*

S: *Kamu tahu atau tidak?*

J: *Saya tahu Yang Arif.*

S: *Saya katakan madam ada suruh Ah Than ambil anak madam. Setuju?*

J: *Tidak setuju.*

S: *En Teo kenal seorang bernama Turbo?*

J: *Tidak kenal.*

S: *Kontena Than selain Than siapa lagi tinggal?*

J: *Dia seorang sahaja*

S: *Kamu kenal teman wanita Ah Than?*

J: *Kenal.*

S: *Saya katakan teman wanita Ah Than juga kadang kala tinggal bersama di dalam kontena tersebut, kamu tahu?*



J: *Saya tahu.*

S: *Kenapa masa saya tanya selain Ah Than siapa yang tinggal, kamu kata tak ada orang lain?*

J: *Sebab kontena itu untuk pekerja kami sahaja, kami cuma benarkan Ah Than seorang saja tinggal.*

S: *Jadi kalau ada orang lain tinggal di sana kamu tak tahu, betul?*

J: *Betul*

S: *Jadi kalau ada orang lain tinggal di sana kamu tak tahu, betul?*

J: *Betul*

S: *So saya katakan kawan Than Turbo tinggal di sana kamu juga tak tahu?*

J: *Benar*

S: *Kamu tahu atau tidak tahu majikan madam suruh buat lubang untuk sembunyikan pekerja yang tiada dokumen sah?*

J: *Tidak tahu.*

S: *En Teo pernah pergi ke bilik Ah Than betul?*

J: *Pernah.*



[49] Seterusnya, SP10 di dalam keterangan semasa **pemeriksaan semula** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2(1) m/s 197-199) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Tadi masa di soal balas peguam katakan kepada kamu madam ada suruh Ah Than pergi ambil anak, kamu jawab tak setuju. Boleh kamu jelaskan?*

J: *Sebab waktu tu kami ada mengesyaki madam dalam bilik Ah Than. Jadi kami kena pancing Ah Than tinggalkan tempat tu baru kami boleh masuk bilik Ah Than.*

S: *Jadi maksudnya ada tak madam ini yang suruh Ah Than ambil anak dia?*

J: *Tidak ada*

S: *Pada hari itu?*

J: *Benar.*

S: *Tadi kamu kata ada syaki madam di bilik Ah Than, boleh jelaskan?*

J: *Sebab kami lihat CCTV tu dapat lihat ketiga-tiga entrance orang keluar masuk, sebab CCTV kami lihat tak nampak madam keluar entrance tu tak ada orang keluar masuk ketiga-tiga entrance itu. Lepas tu baru kami pancing Ah Than keluar ambil anak madam so kami nak naik atas cari lepas tu kami tengok tak ada dalam bilik Ah Than, jadi half away tu kami call, sebab Fadli dia bawa kereta hantar*



Ah Than pergi ambil anak, bila kami tengok dalam bilik Ah Than madam tak ada jadi kami suruh mereka balik.

S: *Fadli itu siapa?*

J: *Office boy.*

S: *Jadi pada masa itu Ah Than itu pergi ambil anak madam ke?*

J: *Kami tipu Ah Than keluar untuk ambil anak madam.*

S: *Tadi kamu kata kamu telah pancing Ah Than untuk ambil anak madam supaya Ah Than keluar. Siapa yang pergi ke bilik Ah Than?*

J: *Saya dan Zila masuk ke bilik Ah Than.*

S: *Bilik Ah Than kunci tak?*

J: *Tidak berkunci*

S: *Jadi kamu dah Zila masuk bilik ah than?*

J: *Benar Yang Arif, saya dan Zila masuk tak nampak apa-apa jadi kami turun.*

S: *Tadi kamu kata semasa disoal balas kamu kata kamu tak tahu bagaimana madam boleh dijumpai di dalam lubang itu. Kamu setuju. Boleh jelaskan?*



J: *Waktu saya nampak lubang itu, saya tak tengok dalam. Polis buka polis yang tengok dulu, lepas itu polis terus suruh saya turun bawah inform polis yang lain.*

S: *Jadi tak tengok dalam lubang ya?*

J: *Ya, saya tak tengok dalam lubang tu.*

[50] SP6 (Puan Wan Nur Zawani Binti Wan Mohd Samsudin) Pegawai Sains, Pusat Rujukan Analisis DNA Forensik Wilayah Selatan, Bahagian Forensik, Jabatan Kimia Malaysia, Negeri Johor di dalam keterangannya mengatakan bahawa terdapat penemuan DNA tertuduh dan DNA si mati dalam bilik kecil tersebut. Turut ditemui adalah DNA tertuduh dan si mati pada eksibit P10A iaitu karpet yang dijumpai dalam bilik kecil tempat si mati dijumpai, T-shirt bertanda S2, P9D(18)(a), sehelai seluar bertanda S3 P9D(19)(a) dan sebagainya. Keterangan yang dizahirkan oleh SP6 ini adalah suatu fakta *material* bagi membuktikan tertuduh berada bersama-sama si mati sebelum si mati menemui ajalnya. Tiada sebarang DNA SP9 dijumpai dalam bilik kecil tersebut. Dengan itu keterlibatan SP9 telah dikecualikan.

[51] Bagi menjelaskan dengan lebih terperinci keterangan SP6 di atas, adalah wajar bagi kami perturunkan pernyataan bertulis SP6 (PS SP6) berkaitan analisis DNA yang dibuatnya itu. SP6 di dalam keterangannya (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2(1) di m/s 70-73) menyatakan seperti yang berikut:

“19. Berdasarkan perbandingan profil DNA yang diperolehi, saya mendapati:



- 1) Satu profil DNA perempuan yang sama telah diperolehi dari putik kapas "5", rambut "MF 6", rambut dijumpal pada kain "MF 10", "MF 11" dan "MF 13" dan kerusi "1", kesan disyaki kesan darah pada kain "MF 13", "MF 15" dan "g", kad "MF 17", permaidani "7" dan seluar dalam "g" and kesan disyaki kesan air mani pada kain "g" yang berpadanan dengan profil DNA diperolehi daripada spesimen darah "MF 24" (**berlabel "Goh Geok Leng"**), ini menunjukkan profil DNA yang diperolehi berasal dari sumber yang sama.
- 2) Satu profil DNA lelaki yang sama telah diperolehi dari kesan disyaki kesan darah pada baju-T "S2" dan kesan air mani pada seluar dalam "S4" dan keratan pelapik tilam "17" yang berpadanan dengan profil DNA diperolehi daripada spesimen darah "D1" (**berlabel "Than Nwe Soe"**), ini menunjukkan profil DNA yang diperolehi berasal dari sumber yang sama.
- 3) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada satu penyumbang lelaki dan satu penyumbang perempuan telah diperolehi dari kesan disyaki kesan darah pada seluar jeans "S3". Penderma spesimen darah "D1" (**berlabel "Than Nwe Soe"**) dan "MF 24" (**berlabel "Goh Geok Leng"**) masing-masing berpadanan sebagai penyumbang lelaki dan perempuan kepada profil DNA campuran tersebut.
- 4) Profil DNA yang diperolehi dari kesan air mani pada baju-T "S2" menunjukkan:
 - a) Satu penyumbang DNA lelaki (dari sel-sel sperma) yang berpadanan dengan profil DNA yang diperolehi daripada spesimen



darah "D1" (berlabel "Than Nwe Soe"), ini menunjukkan profil DNA yang diperolehi berasal dari sumber yang sama.

b) Satu profil DNA campuran (dari sel-sel bukan sperma), sekurang-kurangnya daripada dua penyumbang di mana penderma spesimen darah "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") dan "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng") berpadanan sebagai penyumbang major dan minor kepada profil DNA campuran tersebut.

5) Profil DNA yang diperolehi dari kesan air mani pada permaidani 7% menunjukkan:

a) Satu penyumbang DNA lelaki (dari sel-sel bukan sperma) yang berpadanan dengan profil DNA yang diperolehi daripada spesimen darah "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") ini menunjukkan profil DNA yang diperolehi berasal dari sumber yang sama.

b) Satu profil DNA campuran (dari sel-sel sperma) sekurang-kurangnya daripada dua penyumbang dimana penderma spesimen darah "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") dan "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng") berpadanan sebagai penyumbang major dan minor kepada profil DNA campuran tersebut.

6) Satu profil DNA perempuan telah diperolehi dari rambut dijumpai pada permaidani "7" yang saya tandakan sebagai "7(A)" yang berpadanan dengan profil DNA diperolehi daripada spesimen darah "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng"), ini menunjukkan profil DNA yang diperolehi berasal dari sumber yang sama.



- 7) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada dua penyumbang tetapi diperolehi dari rambut dijumpai pada permaidani "7" yang saya tandakan sebagai "7(B)" dimana penderma spesimen darah "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") berpadanan sebagai penyumbang major kepada profit DNA campuran tersebut. Walau bagaimanapun, penyumbang minor adalah terlalu lemah untuk dikenalpasti.
- 8) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada dua penyumbang diperolehi dari kesatan DNA surihan pada kain "MF 10" dimana penderma spesimen darah "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng") berpadanan sebagai penyumbang major kepada profil DNA campuran tersebut.
- 9) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada tiga penyumbang telah diperolehi dari kesatan DNA surihan pada kain "MF 12" dimana penderma spesimen darah "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng") dan "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") adalah merupakan salah satu penyumbang kepada profil DNA campuran tersebut. Walaubagaimanapun, penyumbang lain adalah terlalu lemah untuk dikenalpasti.
- 10) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada lebih tiga penyumbang telah diperolehi dari kesatan DNA surihan pada loket "S3" di mana penderma spesimen darah merupakan "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng") dan "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") adalah merupakan salah sat penyumbang kepada profil DNA campuran tersebut.



11) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada dua penyumbang perempuan telah diperolehi dari kesan disyaki kesan darah pada kerusi "1". Penderma spesimen darah "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng") berpadanan sebagai salah satu penyumbang kepada profil DNA campuran tersebut.

12) Satu profil DNA campuran sekurang-kurangnya daripada dua penyumbang telah diperolehi dari kesan air mani pada seluar dalam "9". Walau bagaimanapun, penderma spesimen darah "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng"), "D1" (berlabel "Than Nwe Soe") dan "D2" (berlabel "Aung Thein Lin") adalah dikecualikan sebagai penyumbang kepada profil DNA campuran tersebut.

13) Satu profil perempuan separa (pada 12 lokus) telah diperolehi dari rambut dijumpai pada kain "MF 14" yang konsisten untuk berasal dari sumber yang sama dengan spesimen darah "MF 24" (berlabel "Goh Geok Leng"), ini menunjukkan profil DNA yang diperolehi berasal dari sumber yang sama."

[52] Di dalam kes **PP v. Mansor Md Rashid & Anor** [1996] 3 MLJ 233, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Chong Siew Fai CJ (Sabah and Sarawak) memutuskan seperti yang berikut:

"Where the identity of a culprit is in question or is required to be proved, fingerprint evidence will be of a great significance and immense value."



[53] Berdasarkan kepada autoriti di atas, adalah jelas bahawa keterangan SP6 mempunyai nilai pergantungan yang cukup kuat untuk disandarkan bagi menunjukkan keberadaan identiti tertuduh di tempat kejadian tersebut. Tambahan lagi mengikut SP6 ketetapan sesuatu ujian DNA adalah pada tahap padanan 99.999% (laporan kimia yang disediakan oleh SP6 ditandakan sebagai eksibit P13). Keterangan ini jelas menunjukkan tertuduh adalah orang terakhir bersama si mati.

(E) SP18 (iaitu pegawai penyiasat kes) ini telah mendapati tertuduh pernah merakam gambar si mati ketika dalam bilik air, gambar-gambar tersebut dijumpai oleh SP18 di dalam telefon bimbit yang dirampas daripada tertuduh. Gambar-gambar tersebut telah dikemukakan sebagai eksibit P38(1-12). Ini menunjukkan tertuduh sudah pun mempunyai niat permulaan yang tidak baik terdapat si mati.

[54] Selain daripada itu, SP18 juga telah merampas beberapa eksibit di tempat kejadian tersebut. Di antara barang yang ditemui dan dirampas adalah seperti yang berikut:

- (i) Satu (1) batang kayu yang dibalut dengan kain iaitu eksibit P9C(1)(a);
- (ii) Satu kain berikat tali iaitu eksibit P9D(14)(a); dan
- (iii) Rantai dan mangga iaitu eksibit P9D(11)(a).

[55] Tertuduh juga telah memandu arah SP18 dan hasilnya SP18 telah menjumpai kunci mangga rantai yang disimpan. Laporan polis berkenaan perjumpaan eksibit-eksibit ini dibuat melalui Majidee Report 2864/16



ditandakan sebagai ekshibit P33 dan Majidee Report 2865/16 ditandakan sebagai ekshibit P34.

[56] Bagi menjelaskan keterangan di atas ini, SP18 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan utama** (Kandungan 11 Rekod Rayuan Jilid 2 (2) m/s 363) menyatakan seperti yang berikut:

“Pada 15.4.2018 jam lebih kurang 1300hrs, saya bersama Pegawai Pakar Perubatan Forensik daripada HSA Dr Aznool dan bersama Pegawai Forensik Insp Fathudin telah membuat pemeriksaan lanjutan di tempat kejadian semula selepas postmortem dijalankan dan terdapat beberapa rampasan yang telah dibuat ekoran daripada pemeriksaan tersebut iaitu berbentuk ekshibit 1 swab cecair di atas keratan kain dari tilam dipercayai milik B1, 1 rantai beserta logo mangga dipercayai untuk merantai si mati, 1 keratan kain dipercayai kain yang diguna untuk menyumbat mulut si mati, 1 kain putih dipercayai disediakan awal oleh OKT untuk menutup mulut si mati dan 1 objek tumpul dipercayai senjata yang digunakan oleh suspek untuk memukul si mati.

Pada 22.4.2018 jam lebih kurang 0900hrs Than Nwe Soe nombor passport MA812561 telah dituduh bersama yang masih bebas di Mahkamah Majistret Johor Bahru dengan satu pertuduhan di bawah seksyen 302 Kanun Keseksaan, dan dibaca bersama-sama seksyen 34 kanun yang sama.

Turbo atau nama sebenarnya Sutantotri warganegara Indonesia passport bernombor B0338046 masih belum dapat dikesan. Permohonan untuk mengesan rekod passport keluar masuk suspek



ini telah dibuat oleh saya kepada Jabatan Imigresen pada 5.4.2018. Melalui surat bertarikh 17.4.2018 Jabatan Imigresen Malaysia telah mengesahkan bahawa Sutanto tarikh terakhir masuk Malaysia pada 17.6.2016 melalui Jeti Pasir Gudang. Pas lawatan sosial beliau sah pada 16.7.2017.

Saya juga telah memohon bahagian JPJKK untuk membuat hebahan bagi mengesan suspek yang masih bebas dan juga seorang lagi saksi dalam kes ini yang merupakan saksi iaitu isteri Erna Karina.”

[57] Selanjutnya, SP18 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan balas** (Kandungan 12 Rekod Rayuan Jilid 2 (2) m/s 344-366) menyatakan seperti yang berikut:

S: *Pekerja warganegara Myanmar yang bernama Aung mendedahkan keberadaan si mati kepada pihak polis. Betul?*

J: *Setuju Aung mendedahkan maklumat kepada pihak polis.*

S: *Merujuk kepada P34 laporan polis Majidee 2865/18, dalam laporan ini ASP mengatakan bahawa ASP telah merampas kunci.*

J: *Betul.*

S: *Kunci ini dijumpai di belakang lori jenis Toyota, betul?*

J: *Betul.*



S: *So berdasarkan laporan ASP telah menjumpai kunci tersebut pada pukul 11.05pm betul?*

J: *Betul.*

S: *ASP berdasarkan keterangan-keterangan pekerja di Yu Win Motor kontena tersebut boleh diakses oleh semua pekerja. Semua pekerja boleh masuk dan keluar daripada kontena tersebut.*

J: *Hasil siasatan saya hanya orang yang menginap saja boleh masuk di kawasan tersebut yang merupakan hostel yang disediakan.*

S: *Maksud saya, tempat tu tak berkunci, betul? So sesiapa saja boleh masuk ke dalam. Betul?*

J: *Betul.*

S: *So itu maksud saya semua orang boleh akses.*

J: *Betul.*

S: *Dan semua orang ini termasuklah Aung, Teoh, Zila, Baizura dan Encik Razak. Betul?*

J: *Ya betul, tapi...*

S: *Maksudnya 5 orang ini boleh akses boleh masuk keluar daripada kontena tersebut.*



J: *Boleh akses akan tetapi saya tahu daripada saksi saya menyatakan dia tidak pernah.*

S: *Tapi ASP tak boleh mengesahkan sama ada apa yang mereka cakap ini betul atau tidak, betul? Mereka boleh cakap mereka tidak masuk tetapi ASP sendiri tidak boleh mengesahkan sama ada apa yang mereka nyatakan adalah benar atau tidak.*

J: *Saya yakin benar.*

S: *Itu adalah pendapat ASP semata-mata, betul?*

J: *Tidak.*

S: *So maksudnya tiada apa-apa yang menghalang pekerja Yu Win untuk masuk dan keluar daripada kontena. Tiada apa-apa yang menghalang.*

J: *Betul.*

S: *Dan ASP juga sendiri telah pergi ke kontena tersebut, betul?*

J: *Betul.*

S: *Apabila saya mengatakan tempat kontena tersebut, boleh diakses oleh mana-mana orang maksudnya sesiapa saja boleh masuk dan menyembunyikan si mati dalam kontena.*



- J: *Saya tidak setuju. Dalam kontena itu merupakan tempat bawah, hanya empunya itu sendiri saja yang tahu lubang tersebut tanpa pengetahuan orang luar.*
- S: *Saya katakan apabila sesiapa saja boleh akses kepada kontena tersebut saya katakan sesiapa saja ada kemungkinan boleh masuk ke dalam dan menyembunyikan si mati dalam kontena. Sebab tempat tu tak berkunci, boleh akses kepada sesiapa saja.*
- J: *Tapi di dalam lubang tersebut ada tempat kunci dan ditutup di sebuah karpet.*
- S: *Seperti yang tadi ASP setuju, Teoh telah pandu arah ke lubang. Maksudnya Teoh ada pengetahuan tentang lubang, betul?*
- J: *Setelah diberitahu oleh Aung masa ketika itu.*
- S: *ASP, berdasarkan keterangan Aung di Mahkamah Aung memberitahu polis bahawa majikan berada di bawah kontena, betul?*
- J: *Betul.*
- S: *Dan berdasarkan maklumat daripada Aung, anggota polis dipandu arah oleh Teoh telah menjumpai si mati yang berada di bawah kontena, betul.*
- J: *Betul, pada ketika itu.*



S: *ASP setuju atau tidak berdasarkan maklumat daripada Aung anggota polis dipandu arah oleh Teoh telah menjumpai majikan atau si mati berada di bawah kontena.*

J: *Ya saya setuju.*

S: *So saya katakan Aung yang menyembunyikan majikan di bawah kontena tersebut, ASP tahu atau tidak tahu?*

J: *Jawapannya tidak betul, bukan tidak tahu.*

S: *Aung tahu yang OKT ini tinggal di bahagian atas kontena di mana si mati dijumpai, so Aung telah menjadikan perkara ini untuk melibatkan OKT dalam kes ini. ASP tahu atau tidak?*

J: *Saya tidak tahu berkaitan ini.*

S: *ASP setuju tak pekerja warganegara Myanmar bernama Aung yang mendedahkan keberadaan si mati.*

J: *Yang mendedahkan kedudukan si mati pada ketika itu, Aung yang dedahkan.*

S: *Pekerja warganegara Myanmar yang bernama Aung mendedahkan keberadaan si mati kepada pihak polis. Betul?*

J: *Setuju Aung mendedahkan maklumat kepada pihak polis.*



S: Merujuk kepada P34 laporan polis Majidee 2865/18, dalam laporan ini ASP mengatakan bahawa ASP telah merampas kunci.

J: Betul.

S: Kunci ini dijumpai di belakang lori jenis Toyota, betul?

J: Betul.

S: Saya katakan lelaki yang bernama Aung adalah orang yang terlibat dalam kes ini. Setuju atau tidak?

J: Tidak setuju.

S: Saya katakan Aung yang terlibat sebab Aung yang memaklumkan kepada polis tentang di mana si mati berada. Setuju?

J: Aung berpengetahuan saya setuju.

S: Soalan saya Aung yang terlibat dalam kes ini sebab Aung yang memberitahu pihak polis.

J: Setuju, dia tidak terlibat. Dia berpengetahuan saja.

S: So saya katakan Aung ini sebenarnya dia tahu lebih daripada itu either dia sendiri yang terlibat dalam kes ini atau dia tahu orang sebenar yang terlibat dalam kes ini.

J: Tidak setuju.



S: *So bahagian si mati dijumpai juga boleh diakses oleh OKT seperti pekerja-pekerja lain. Betul?*

J: *Tidak setuju.*

S: *Tadi ASP setuju OKT tinggal di sana.*

J: *Betul.*

S: *So saya katakan apabila OKT tinggal di sana ia adalah satu perkara biasa bagi DNA OKT berada di tempat kejadian.*

J: *Setuju. Tempat dia menginap.*

S: *The whole kontena.*

J: *Setuju.*

S: *ASP, si mati dijumpai dalam kontena dengan ikat tangan, kaki dan leher. Betul.*

J: *Betul.*

S: *So sudah pasti ada orang yang mengikat si mati betul?*

J: *Betul.*

S: *Saya katakan maklumat tentang kunci tersebut ASP dapat daripada lelaki bernama Aung.*



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

- J: *Tidak setuju, daripada Than.*
- S: *Saya katakan Aung yang beritahu kepada ASP sebab Aung yang beritahu polis di manakah tempat si mati dijumpai.*
- J: *Tidak setuju. Than yang menunjukkan.*
- [58] Seterusnya, SP18 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan semula** (Kandungan 12 Rekod Rayuan Jilid 2 (2) m/s 368-369) menyatakan seperti yang berikut:
- S: *So hasil siasatan ASP kontena itu siapa yang tinggal dekat tingkat atas tu?*
- J: *Keseluruhan yang saya dapat dan daripada majikan dan rakaman saksi bebas, kontena itu meang khas diduduki oleh Than. Tiada keperluan orang lain untuk akses naik ke atas kerana itu tempat tinggal tempat tidur bukan tempat kerja atau pejabat.*
- S: *Ok tadi peguam juga ada cadangkan bahawa tempat kontena itu sesiapa boleh masuk dan sorok mayat si mati. ASP tak setuju, kenapa?*
- J: *Saya tidak setuju kerana orang luar tidak akan tahu tempat kontena itu yang tersembunyi. Hanya si pelaku saja yang tahu dan apa tujuan dia buat lubang tersebut.*
- (F) SP13 (Dr Mohamad Aznool Haidy bin Hj Ahsorori) pula merumuskan bahawa punca kematian di dalam kes ini adalah



tekupan/sekatan bahagian atas pernafasan dan tekanan pada leher (*smothering and upper neck compression*). Kecederaan-kecederaan yang dijumpai adalah '*fatal in nature*' dan boleh menyebabkan kematian secara terus hasil daripada tekupan mulut dan leher sehingga si mati tidak dapat bernafas dan menyebabkan kematian si mati. Daripada corak kecederaan yang dijumpai, SP13 berpendapat kecederaan ini cukup pada lazimnya untuk menyebabkan kematian. Menurut SP13 juga kecederaan yang dialami oleh si mati adalah tidak konsisten dengan corak yang diakibatkan oleh perlakuan diri sendiri atau kemalangan.

[59] SP13 di dalam keterangannya semasa **pemeriksaan utama** (Kandungan 12 Rekod Rayuan Jilid 2 (2) m/s 240-242) dengan memetik di dalam laporan bedah siasatnya (ekhibit P23) menyatakan seperti yang berikut:

"Secara kesimpulannya:

1. *The body was that of a Chinese lady who was identified positively by deceased's husband as the above-mentioned name. Si mati adalah seorang perempuan dewasa yang telah dikenalpasti secara positif oleh suaminya sebagai penama yang tersebut di atas.*

2. *There was NO significant natural disease found on her body that could have caused or contributed directly to her death at that particular moment in time. Kedapatan tiada sebarang penyakit nyata yang boleh menyebabkan atau menyumbang secara terus kepada kematiannya pada ketika itu.*



3. *There were multiple ligature materials (clothes) were found surround the mouth and face with one cloth was found packed in the oral cavity (Mark - Label E, F & G) which was obstructing the upper airway. There were also abrasive bruises seen on the cheeks and lips (Mark - Label 32, 33, 34 & 35) with palatal contusion. In my opinion, the ligature materials (clothes) were tied with pattern of NOT LIKELY or VERY LEAST LIKELY of due to self-infliction or accidental. In my opinion, the cloth which was packed in the oral cavity could have caused obstruction to the upper airway, difficulty in breathing and leading to fatality (Smothering). Terdapat material lilitan (kain) kelihatan ia mengelilingi bahagian mulut dan muka beserta satu daripada kain tersebut telah disumbat di dalam kaviti oral (Tanda label - Label E, F & G) yang telah menghalang saluran pernafasan atas. Terdapat calar lebam kelihatan pada bahagian pipi dan bibir (label 32, 33 & 37) beserta lebam pada lelangit atas mulut. Pada pandangan saya, material lilitan (kain) telah dilitak dengan corak YANG TIDAK atau KEBERANGKALIAN YANG TERSANGAT RENDAH ia disebabkan oleh perlakuan diri sendiri atau kemalangan. Pada pandangan saya, kain yang telah disumbat di dalam kaviti oral boleh menghalang bahagian pernafasan atas, kesukaran untuk bernafas dan menjurus kepada fataliti ('Smothering': Melitupi Bahagian Pernafasan Atas).*
4. *There were injuries to the neck (as mentioned - labelled 9, 37 & V). In my opinion, those injuries were consistent with neck compression with reasonable strong impact which could have caused upper airway obstruction compromising the respiration and leading to fatality (Upper Neck Compression).*



Terdapat kecederaan pada bahagian leher (seperti yang dinyatakan - label 9, 37 & v).

Pada pandangan saya, kecederaan-kecederaan tersebut adalah konsisten dengan impak tekanan yang mencukupi kuat pada leher di mana ia boleh menghalang saluran pernafasan atas seterusnya mengganggu respirasi dan menjurus kepada fataliti (Tekanan Leher Atas).

5. *There were multiple soft tissue injuries seen on the limbs (Upper & Lower limbs).*

In my opinion, those injuries that sustained were in keeping pattern with defensive or/and struggle. Furthermore, it was not likely consistent pattern with fall from a height. Terdapat kecederaan berganda tisu lembut pada bahagian-bahagian anggota tubuh (Anggota atas dan bawah). Kecederaan-kecederaan yang dialami adalah sesuai dengan corak mempertahankan diri atau / dan pergelutan. Tambahan pula, ia adalah tidak sesuai dengan corak yang disebabkan oleh Kejatuhan dari Tempat Tinggi.

6. *Those injuries sustained could have been developed at a recent moment just before she succumbed to her death; in view to its pathological findings. In addition, all injuries were appeared to be had happened almost on the same time to each of the injuries just before she was found dead.*

Kecederaan-kecederaan yang dialami boleh terjadi pada waktu yang singkat sebelum kematiannya; berdasarkan pada kedapatan patologi. Tambahan pula, kesemua kecederaan yang dialami



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal

kelihatan seperti ia telah berlaku pada momen yang sehampir sama waktunya di antara satu sama lain sejurus sahaja sebelum mayat telah dijumpai mati.

7. *There were also marks of ligature on the both wrists and both ankles. In my opinion, those ligature marks on the both wrists were highly likely as a result due to restraint.*

Terdapat tanda lilitan pada kedua-dua siku dan buku lali. Pada pandangan saya, kecederaan-kecederaan tersebut boleh berlaku di dalam keadaan seperti dihalang pergerakannya 'restraint'.

8. *Vagina and anal examination showed tears. In my opinion, those injuries were highly likely due to a blunt hard cylindrical rod or penis or whichever object with similar pattern. Swabs those both areas for spermatozoa and DNA were taken.*

Pemeriksaan vagina dan anal telah menunjukkan adanya koyakan. Pada pandangan saya, kecederaan-kecederaan tersebut adalah berkeberangkalian tinggi diakibatkan oleh objek keras tumpul silindrikal rod atau penis atau sebarang objek yang meyerupainya. Swabs bahagian tersebut telah diambil untuk ujian spermatozoa dan DNA.

9. *Head with underlying scalp rounded-like contusion. In my opinion, those injuries could have happened either by hitting onto hard blunt object such as wall, floor or whichever object with similar pattern. In addition, there was also possibly due to bottom of bottle, helmet or which object with simllar pattern.*



Kepala beserta kulit bawah lebam seakan-bulat. Pada pandangan saya, kecederaan-kecederaan tersebut boleh berlaku diakibatkan oleh dipukul dengan objek seperti dinding, lantai atau sebarang objek lain yang menyerupainya.

10. *The findings of the postmortem examination were consistent with that of Smothering and Upper Neck Compression. In my opinion, the manner was in keeping with pattern of homicide.*

Kedapatan hasil bedahsiasat adalah konsisten dengan Tekupan/Sekatan Bahagian Atas Pernafasan dan Tekanan Pada Leher (Smothering and Upper Neck Compression). Pada pandangan saya, cara si mangsa meninggal dunia adalah diakibatkan oleh Perlakuan Orang

*In my opinion, the cause of death was: **Smothering and Upper Neck Compression.**"*

(G) Menyentuh mengenai isu niat bersama, kami tidak berhasrat untuk mengupas dengan lebih lanjut lagi, cukuplah sekadar kami menekankan bahawa berdasarkan kepada rentetan keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, kematian yang berlaku ini terjadi hasil daripada perancangan awal (*pre-arranged plan*) yang direncanakan (*orchestrated*) oleh tertuduh dan seorang lagi yang masih bebas. Di sini, kami ingin memetik beberapa autoriti yang dapat mencerahkan lagi isu tentang perkara ini:



[60] Di dalam kes ***PP v. Dato' Mokhtar Hashim*** [1983] 1 CLJ 138; [1983] CLJ (Rep) 721 di m/s 749 Hashim Yeop A Sani J (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

*"Under section 34 of the Penal Code, to succeed the prosecution must prove that the criminal act was done in concert pursuant to the prearranged plan or arrangement. In practice it is of course difficult to produce direct evidence to prove the intention of an individual. In most cases, however, it can be inferred from his act or conduct or other relevant circumstances of the case (see *Mahbub Shah v. King Emperor* [1945] 72 I.A. 148,153).*

Thus, it is clear that the leading feature of section 34 of the Penal Code is the element of participation in action. Two preliminary elements are in fact necessary to fulfil the requirement of section 34. First, there must be evidence (direct or by inference) the Accused was present at the scene of the crime. Secondly, there must be evidence to show that there was prior concert or prearranged plan involving the Accused. This is logical because how can there be participation without physical presence. Even passive participation may require physical presence."

[61] Di dalam kes ***Namasiyiam Doraisamy v. PP & Other Cases*** (supra) [1987] 1 CLJ 540; [1987] 2 MLJ 336, Mahkamah Agung melalui penghakiman yang disampaikan oleh Syed Agil Barakbah HMA (beliau pada ketika itu) telah menggariskan undang-undang berkaitan niat bersama bila beliau menyatakan seperti yang berikut:



"In law, common intention requires a prior meeting of the minds and presupposes some prior concert. Proof of holding the same intention or of sharing some other intention, is not enough. There must be proved either by direct or by circumstantial evidence that there was (a) a common intention to commit the very offence of which the Accused persons are sought to be convicted and (b) participation in the commission of the intended offence in furtherance of that common intention.

Where the prosecution case rests on circumstantial evidence, the circumstances which are proved must be such as necessarily lead only to that inference. Direct evidence of a prior plan to commit an offence is not necessary in every case because common intention may develop on the spot and without any long interval of time between it and the doing of the act commonly intended. In such a case, common intention may be inferred from the facts and circumstances of the case and the conduct of the Accused. (see the Supreme Court (of India) on Criminal Law 1950-1960 by J.K Soonavala page 188 to 193)."

[62] Di dalam kes ***Farose Tamure Mohd Khan v. PP & Other Appeals*** [2016] 9 CLJ 769; [2016] 6 MLJ 277, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raus Sharif PMR (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti yang berikut:

"[47] It is helpful to analyse s. 34 in terms of these elements;

- (a) a criminal act;*
- (b) participation in doing of the act;*
- (c) a common intention between the parties; and*



(d) the act must be done in furtherance of the common intention.

[48] At this juncture, it is convenient first to address the generally accepted principles on the operation of s. 34. The position in respect of these elements is fairly uncontroversial, and the relevant principles gleaned from the authorities in Malaysia, Singapore and India can be briefly dealt with.

[49] It is widely acknowledged that s. 34 is a rule of evidence which embodies the common-sense principle that if two or more persons intentionally do a thing jointly, it is just the same as if each of them had done it individually (*Krishna Rao a/l Gurumurthi v. Public Prosecutor And Other Appeal* [2009] 2 CLJ 603; [2009] 3 MLJ 643).

[50] If it is shown that the criminal act complained against was done by one of the accused persons in furtherance of the common intention of all, liability for the crime may be imposed on any one of the persons in the same manner as if the act were done by him alone (*Mahbub Shah v. Emperor* AIR 1945 PC 118).

[51] The provision is intended to meet a case in which it may be difficult to distinguish between acts of individual members of a party who act in furtherance of the common intention of all or to prove exactly what part was taken by each of them (*Hari Ram v. State of Uttar Pradesh* [2004] 8 SCC 146). In those circumstances, the law makes no distinction between them or between the parts played by them in doing the criminal act (*Bashir v. State* AIR 1953 All 668).



[52] *Presence is not necessary to constitute participation in every case. It is sufficient for the accused to have done an act with some nexus to the offence (Sabarudin bin Non & Ors v. Public Prosecutor [2005] 1 CLJ 466; [2005] 4 MLJ 37 and Manikumar Sinappan & Ors v. Public Prosecutor [2015] MLJU 1956; [2016] 3 MLRA 1.*

[53] *Common intention, distinguished from the same or similar intention, requires proof that the criminal act was done in pursuance of a pre-arranged plan (Mahbub Shah). Such pre-planning may develop on the spot or in the course of commission of an offence, the crucial test being the plan must precede the commission of the offence ((1) Namasiyiam (2) Rajindran (3) Goh Chin Peng and (4) Ng Ah Kiat v. Public Prosecutor [1987] 2 MLJ 336).*

[54] *A common intention may be often be difficult to prove by way of direct evidence in practice, but it can be inferred from the circumstances of the case and the conduct of the accused (Dato' Mokhtar bin Hashim & Anor v. Public Prosecutor [1983] CLJ Rep 101; [1983] 2 MLJ 232).*

[66] *The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. Direct evidence as proof is difficult to procure because common intention is essentially a state of mind. Invariably inferences have to rely upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. The totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a*



conclusion whether there is a common intention to commit the offence for which the accused could be convicted. The facts and circumstances of each case might vary. As such, each case should be decided based on the facts involved.”

(H) Kelakuan tertuduh yang kelihatan gelisah dan cuba untuk mengambil perhatian pekerja-pekerja dan pihak polis agar mencari si mati di kawasan lain di penjuru kedai sebelum mayat ditemui adalah *relevant* di bawah seksyen 8 Akta Keterangan 1950 dan menjurus ke arah satu inferens dan konklusi sahaja iaitu tertuduh adalah orang yang bertanggungjawab terhadap kematian si mati.

[63] Di dalam kes **Parlan Dadeh v. PP** [2009] 1 CLJ 717, Mahkamah Persekutuan memutuskan seperti yang berikut:

“[38] In this case the reaction of the appellant in looking stunned or shocked upon being approached by the police is clearly admissible under s. 8 since it has a direct bearing on the fact in issue as the drugs found were tucked away in the front of the jeans worn by him. The explanation for his reaction must therefore be offered by he himself as required by s. 9. The court cannot, on its own, offer an explanation for his reaction. However, in his defence the appellant did not offer any explanation at all for his reaction upon being approached by the police. It can therefore be validly used as evidence against him. The inference to be drawn from the evidence of conduct of the appellant against the background of the other evidence is that he knew what he was carrying (see DPP v. Brooks [1974] 2 All ER 840). It follows that the stand taken by the appellant in relation to the evidence of conduct is not sustainable. Be that as



*it may, the evidence of conduct in this case is not very significant in view of the manner in which the appellant carried the drugs on his person from which it can reasonably be inferred that he had knowledge of the drugs in his possession (see the cases referred to earlier, and, in particular, *Tunde Apatira & Ors v. PP* [2001] 1 CLJ 381 and *PP v. Abdul Rahman Akif* [2007] 4 CLJ 337)."*

[64] Di dalam kes **Public Prosecutor v. Badrulsham bin Baharom** [1987] 1 LNS 72 [1987] CLJU 72, Lim Beng Choon H memutuskan seperti berikut:

"It is appropriate at this stage for me to deal with two further points raised by the learned defence counsel in his submission. First, he drew the attention of this court to the fact that the accused did not put up a struggle or make any attempt to run away. The short answer to this point is that from the evidence I am satisfied that the accused had no opportunity to do so as he was suddenly surrounded by PW3 and PW5 before he could even begin to realize that he was in danger of being arrested. As he was caught red-handed with the dangerous drugs in his possession and he had knowledge of the said drugs, what else could he do apart from saying that there was nothing in the bag.

In the present case, the prosecution had clearly established that the accused was in actual physical custody and control of P3 and its contents. From the totality of the evidence, the prosecution had also clearly established that the accused had the necessary knowledge of P6A-H and the nature of the dangerous drugs in question."



[65] Di dalam kes **Teh Hock Leong v. PP** [2010] 1 MLJ 741, 745, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh James Foong HMP (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

[4] First, he contended that the High Court and the Court of Appeal had failed to consider the contemporaneous conduct of the appellant in not trying to escape or putting up a struggle with the police when confronted by PW5 and his men or attempting to disassociate or discard the backpack containing the dangerous drugs. Such conduct, if considered by the courts below, could infer that the appellant had no knowledge of the said drugs in the backpack.

[5] It is our view that in order to draw a favourable inference from the appellant's contemporaneous conduct, his action or inaction must be examined in the light of the situation at the material time. The area where the appellant was confronted by PW5 was the arrival gate of an incoming flight in the KLIA. This was the only exit point where passengers disembarking the plane can enter the KLIA terminal. It is common knowledge that the area was tight and restricted with hardly any room for the appellant to make a successful escape even if he had tried. From here the appellant was then taken by PW5 and his men to PW5's office in the KLIA. The approximate walking distance was 600–800 metres. Here again the appellant's chances of a quick getaway were minimal since he was escorted and was within the restricted vicinity of the KLIA building. And, if the appellant were to attempt to throw away or disassociate himself with the backpack during this entire duration described it



would evidently be noticeable. Of course, since the drugs were so cunningly concealed, there could be no necessity to take such drastic actions which may attract instant suspicion. So, against these circumstances, the appellant's docile conduct throughout the period described could not have inferred an absence of knowledge of the said drugs. For this reason, there is no misdirection by the courts below."

[66] Bagi isu-isu sampingan lain yang diketengahkan oleh kedua-dua pihak, dengan hormatnya kami tidak berhasrat untuk mengupasnya. Ini adalah kerana pandangan kami terhadap isu-isu tersebut tidak akan membawa apa-apa kesan terhadap dapatan yang telah kami buat di atas.

Kesimpulan

[67] Setelah kami menyatukan serta merangkumkan kesemua keterangan-keterangan bersandarkan keadaan di atas, ternyata tiada keraguan di minda kami bahawa tertuduh dan seorang lagi yang masih bebas adalah orang yang bertanggungjawab sepenuhnya di dalam menyebabkan kecederaan-kecederaan dan kematian terhadap si mati.

[68] Pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh bahawa dia tiada di tempat kejadian, tidak menyembunyikan si mati, tidak mempunyai niat bersama untuk membunuh si mati, tidak mengenali seorang penama Indonesia bernama Turbo, tiada membawa masuk Turbo ke dalam kontena pada pukul 7.30 pagi pada hari kejadian telah dipatahkan bukan sahaja oleh keterangan saksi-saksi pendakwaan yang dipanggil untuk memberikan keterangan tetapi juga oleh keterangan tertuduh sendiri.



[69] Gambar rakaman CCTV (ekshhibit P6 (1-16)) jelas menunjukkan bahawa tertuduh berada di pintu pejabat dan kelihatan bercakap-cakap dengan si mati. Keterangan dokumentar ini mengesahkan bahawa tertuduh adalah merupakan orang yang terakhir berada bersama si mati.

[70] SP9 juga turut mengesahkan bahawa tertuduh ada memberitahunya bahawa si mati telah disimpan oleh tertuduh di dalam kontena tersebut.

[71] Penemuan ekshhibit-ekshhibit (kayu, kain rantai mangga dan sebagainya) yang mempunyai kaitan rapat dengan kematian si mati ini juga adalah hasil daripada maklumat dan tunjuk arah oleh tertuduh.

[72] Penemuan DNA tertuduh dan DNA si mati di tempat mayat ditemui iaitu di bawah kontena tempat tertuduh tinggal menambahkan lagi kekuatan kes pendakwaan.

[73] Pelakuan (*conduct*) tertuduh yang begitu mencurigakan semasa proses pencarian dan sebelum mayat dijumpai.

[74] Kesemua keterangan-keterangan yang dizahirkan ini membuktikan bahawa tertuduh adalah orang yang terlibat melakukan pembunuhan ini.

[75] Pembelaan yang dibangkitkan oleh tertuduh hanyalah suatu pembohongan, penafian kosong, tidak boleh dipercayai, pemikiran terkemudian dan rekaan semata-mata yang tidak menimbulkan apa-apa keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan.



[76] Pembohongan yang dilakukan oleh tertuduh ini telah menguatkan lagi keterangan kes pendakwaan. Mahkamah Tinggi di dalam kes **Kurchang Singh v. PP [1989] 2 CLJ 442** memutuskan seperti yang berikut:

“corroboration may come from the other prosecution witnesses or from the accused. Deliberate lies or incriminating conduct in a material particular can constitute corroboration.”

[77] Mengenai penafian mudah semata-mata, di dalam kes **DA Duncan v. PP [1980] 2 MLJ 195**, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Raja Azlan Shah CJ telah memutuskan seperti yang berikut:

“The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution case against the appellant.”

[78] Di dalam kes **PP v. Lim Chooi Huat & Anor [2011] MLJU 852**, Mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

“I am of the view that OKT2 is an unreliable witness and his evidence is unacceptable. OKT2's evidence was riddled with bare denials. And it is settled law that a bare denial is not a defence: see the Federal Court case of DA Duncan v PP [1980] 2 MLJ 196.”



[79] Di dalam kes *Losali v. PP* [2012] 2 CLJ 178, Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Abdul Malik Ishak HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti yang berikut:

"[54] The learned trial judge rightly held that the defence of the appellant was a bare denial. It is trite law that the defence of bare denial is no defence. What this amounts to is this. That the appellant did not offer any explanation to the two charges and merely denied the evidence advanced by the prosecution. That was indeed a perilous course to undertake.

*[55] The bare denial cannot in law raise a reasonable doubt and the appellant must be convicted for both the charges. Raja Azlan Shah CJ (Malaya) (as His Majesty then was) in *D.A. Duncan v. Public Prosecutor* [1980] 2 MLJ 195, had this to say in regard to the defence of simple denial:*

The defence was, in effect, a simple denial of the evidence connecting the appellant with the four boxes. We cannot see any plausible ground for saying that the four boxes were not his. In the circumstances of the prosecution evidence, the High Court came, in our view, to the correct conclusion that this denial did not cast a doubt on the prosecution's case against the appellant.

*[59] The defence of mere denial was also considered by the Federal Court in *PP v. Abdul Manaf Muhamad Hassan* [2006] 2 CLJ 129, FC, and their Lordships (with a coram of Abdul Malek Ahmad PCA, Steve Shim CJ (Sabah & Sarawak), Arifin Zakaria FCJ) did not place much emphasis on such a defence."*



[80] Adalah menjadi dapatan kami bahawa tertuduh telah gagal menimbulkan sebarang keraguan terhadap keterangan kes pendakwaan. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah.

[81] Berdasarkan kepada alasan-alasan yang diberikan di atas, kami mendapati tiada merit di dalam rayuan ini bagi mewajarkan kami untuk campurtangan terhadap dapatan yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi.

[82] Rayuan tertuduh terhadap sabitan ditolak dan sabitan adalah selamat untuk dikekalkan.

[83] Mengenai rayuan tertuduh terhadap hukuman pula, Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) yang berkuat kuasa pada 4 Julai 2023 memberi kami kuasa budi bicara untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemerjaraan bagi tempoh tidak kurang 30 tahun tetapi tidak melebihi 40 tahun dan sekiranya tidak dijatuhkan hukuman mati, hendaklah juga dihukum dengan sebatan tidak kurang 12 kali. Setelah menilai keseluruhan keterangan yang dikemukakan, kami mendapati fakta di dalam kes ini membolehkan kami melaksanakan budi bicara tersebut.

[84] Setelah diperhalusi dari semua sudut fakta dan perundangan, faktor peringanan dan pemberatan, kami sebulat suara mendapati terdapat justifikasi untuk kami menggunakan kuasa budi bicara yang ada bagi mengubah hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi terhadap tertuduh bagi pertuduhan ini. Justeru itu, kami memerintahkan seperti berikut:



- (a) Rayuan terhadap sabitan ditolak; dan rayuan terhadap hukuman dibenarkan setakat mana yang dinyatakan di par(a) seterusnya; dan
- (b) Perintah hukuman gantung di leher sampai mati yang dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi mengikut seksyen 302 Kanun Keseksaan diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama tiga puluh tahun (30) bermula dari tarikh tangkap (13 April 2018) dan dua belas (12) kali sebatan.

Tarikh: **6 Jun 2025**

- **Sgd** -

Azmi bin Ariffin

Hakim

Mahkamah Rayuan Malaysia

Kaunsel

Bagi Perayu : 1) Subash Ramasamy
2) Low Huey Theng
[H.T. Low]

Bagi Responden : Khairunnizam Muhamad Ideres
[Timbalan Pendakwa Raya]



S/N ZEyoS0vS7UCIEoxyz1G3A

**Note : Serial number will be used to verify the originality of this document via eFILING portal